Mr Speaker, Sir, to sum up, this year's Budget is obviously geared to the needs of the General Elections. Once the Elections are over and this House reconvenes, the Minister will show his true colours. I wish to warn the Minister of Finance and his other Ministerial colleagues that they should not go, fly round the country making on-the-spot grants. During the last Elections in 1964, we saw how Ministers flew all over the country and went about making on-the-spot grants, most of which went into enriching the pockets of corrupt Alliance officials. Such a practice must stop and must not be repeated this year.

The people of this country have been given a respite, albeit a short one. When the General Elections are over, we will groan under the weight of the new taxes that the Minister of Finance will undoubtedly impose on us.

Finally, Mr Speaker, Sir, the Gerakan calls on the people of this country not to be deceived by the sweet and honeyed words of the Minister of Finance. Thank you.

Tuan Tan Toh Hong (Bukit Bintang) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, the Budget introduced by the Honourable Minister of Finance reflects clear and realistic thinking as regards the current state of the Malaysian economy. Mr Speaker, Sir, this is a reasonable and painless Budget which also aims at stimulating economic growth to ensure that our people continue to enjoy a higher standard of living.

Although in every developing country in Asia, Africa and Latin America there is a tendency to impose higher taxes to finance increasingly heavy demands for social services and economic development, yet the Alliance Government has very wisely resisted the temptation for a higher level of taxation. As I have said before in the Parliament, and I say it again, there is a limit to taxing our people. After all, we are only a small nation composed of 10 million people, and as more than 60% of our population are under 25 years old, consisting of young people, school students and children, the tax burden is shouldered by a comparatively small section of the population, namely the working adults and the heads of the families. Mr Speaker, Sir, heavier taxes at this stage of our economy would not only bring about a spiral increase in the prices of essential goods and foodstuffs and in the overall cost of living, but would also seriously affect private enterprise and capital investment which is the basic strength of the Malaysian economy. I must therefore commend the Honourable Minister of Finance for his wisdom in realising that the nation has reached its optimum tax capacity. This is truly a painless budget and there is no reason whatsoever, for the Opposition Members of

Parliament, for businessmen or the average citizen to have any grouse on the Honourable Minister's proposals.

Mr Speaker, Sir, one of the most important aspect of this Budget is that it is designed to accelerate a rapid rate of economic growth to cope with the serious problem of unemployment. I strongly support the Government's approach to solve this explosive social issue.

As I have pointed out in my speech in this August House in June last year, Alliance Members of Parliament have been approached by anxious parents to help them to obtain jobs for their sons and daughters. The overall unemployment rate then is about 6% of the working population or about 200,000 and between the age group of 19 years old and 24 years old, the rate is about 15%. Now the rate is 6.8%. Mr Speaker, Sir, as long as the unemployment problem is not solved there will be chronic social unrest and agitation which will undermine our national efforts in economic development. I submit that this problem necessitates a two-pronged approach from the point of view of urban and rural requirements.

In the urban areas, apart from encouraging rapid industrialisation of big modern factories, like those in Petaling Jaya and Butterworth, there is also a great need to further encourage development of traditional small-scale factories and industries along the outskirts of towns and cities to create more employment opportunities.

For instance, along the outskirts of Kuala Lumpur, areas like Kampong Pandan, Pudu and Cheras Road areas, Kampong Loke Yuen, Kampong Bahru, Kampong Dato Kramat, Sungei Besi Road and Klang Road areas, Setapak, Gombak, Ampang Road areas, the Kuala Lumpur Municipality in conjunction with Federal Industrial Development Authority should provide positive concrete encouragement to help and to assist extensive growth of traditional small-scale industries and factories run both by Bumiputras and non-Bumiputras. It should undertake intensive development planning and cam-

paigns for sound and rapid growth of small-scale factories and workshops with regard to the availability of raw-materials, man-power, market etc. In addition, the Kuala Lumpur Municipality should offer various kinds of assistance and facilities like issuing more trade licences, minimizing red-tapes to obtain licences and permits, facilitating approval of plans and of permission for electrical and water installation etc. Indeed, Mr Speaker, Sir, there is a big potential of untapped employment opportunities and by virtue of the acquired skills and background of our people, the establishment of small-scale factories which I shall mention below presents very little difficulty: factories like furniture and carpentry, wood and steel workshops, light engineering works and foundries, light electrical goods, industrial porcelain and earthen wares, printing and simple paper products, tailoring, spraying and welding works, motor vehicle repairs and production of simple accessories and machine tools and so on.

Sir, these small scale factories and workshops are ideally suited to the economic resources and labour skills of our Malaysian people in urban areas and they would constitute a vital supplement to our plans for rapid industrialisation in order to provide quickly more employment opportunities. Indeed I submit that the proper and urgent planning and development of small-scale factories and industries on the outskirts of towns and cities is vital for the healthy growth of our economy and employment opportunities. This importance in a developing country's economy could be illustrated by the example and experience of India where small-scale industries account for 35% of the total industrial production of that country.

Sir, in the rural areas, land is our greatest asset and a properly executed massive agricultural programme to absorb the large number of unemployed youth deserves our support. We should educate our youth that there are ample employment opportunities and promise in agriculture and land development. To be idle while hoping for white

collar jobs is unhealthy. The policy of opening up large areas of land in Pahang, Johore and other States will undoubtedly provide ample jobs for a growing number of our unemployed youths.

There is indeed a strong case for strengthening the agricultural base of the country. Unless our farmers can earn higher income, their purchasing power will be small and this may in turn inhibit our industrial development. The economic future of the country therefore lies in securing a rapid rate of agricultural development supplemented by industrial growth. Only then can the benefits of prosperity accrue to both urban and rural folks. For this to be successful, let us hope that there will be a co-ordinated and dedicated approach by the Federal and State Governments and local authorities like the Kuala Lumpur Capital Commission otherwise we will become a nation of softies.

I note with satisfaction, Sir, the Honourable Minister of Finance's remark that the private sector has a leading role in the economy. Private enterprise is the strength of the economy and we should continue to provide adequate infrastructure and incentives to encourage greater industrial investment.

The Malaysian economy is generally buoyant with stable rubber prices, and an unprecedented growth in the timber industry and a larger volume of exports. We have seen difficult times during confrontation but we have been able to maintain our rate of growth in spite of that—thanks to the Alliance Government 1968 was a good year and I am sure 1969 augurs to be an even better year, thanks to the wise and realistic policies of the Alliance Government.

Thank you, Sir.

Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara):

Dato' Yang di-Pertua, saya minta izin berchakap di-atas bahagian ini. Saya bangun menyokong Rang Undang² Perbelanjaan tahun 1969 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan beberapa hari yang lalu.

Dato' Yang di-Pertua, kalau kita tengok Dewan ini memang kita sudah nampak terutama sa-kali pehak Pembangkang demam pilehanraya memang sudah ada pada mereka itu. Oleh sebab itu-lah kita tengok pada tiap² meshuarat Budget pehak Pembangkang meminta masa yang lebeh untok berchakap, tetapi masa tahun ini, tahun election, senyap sunyi daripada mereka itu dan juga meminta meletakkan jawatan mereka beramai² hendak pergi by-election dan sa-bagai-nya. Tujuan mereka itu tidak lain dan tidak bukan, Dato' Yang di-Pertua, bahkan mengachau, membuat kachau, membuat perkara² yang tidak bertanggung-jawab pada Kerajaan dan sa-bagai-nya.

Dato' Yang di-Pertua, umpama-nya hendak meletakkan jawatan beramai² mereka itu sudah tahu tidak lama lagi kita adakan pilehanraya umum. Payah saya hendak memikirkan telatah pehak Pembangkang, Dato' Yang di-Pertua, Umpama-nya kalau kita adakan balanced Budget saperti yang kita adakan pada hari ini atau lebeh tepat saya katakan square Budget, sa-bagaimana Yang Berhormat Menteri memberi sachara langsung atau tidak langsung faedah kapada seluroh ra'ayat jelata, mereka kata, "Ini pun tidak baik". Kita menaikkan Development Tax, Tax Crown Cork dan sa-bagai-nya, itu tidak baik. Balanced Budget tidak baik. Jadi saya katakan, Dato' Yang di-Pertua, ini-lah telatah Pembangkang yang kita ada pada masa ini dalam Dewan ini. Sa-olah² kita jadikan specimen, orang yang sangat payah kita memikirkan dan orang² yang berperangai bagini, patut-nya duduk di-dalam muzium sahaja, bukan di-dalam Dewan yang berbahagia, yang bertuah ini.

Dato' Yang di-Pertua, di-kampung² sambutan kapada pemerentahan Kerajaan Perikatan memang baik, kerana saya tengok di-pasar² kebanyakan-nya orang² datang membeli ikan, membeli-belah perkara² lain kerana orang kampung sudah tahu dengan pendirian Kerajaan Perikatan ini, mereka tahu membuat jadual, timekan pekerjaan mereka itu di-mana mereka patut gunakan masa mereka yang lebeh baik dan

berfaedah kepada mereka itu. Umpamanya, dahulu kita tengok orang kampung berbuang² masa di-kedai kopi dan perkara itu sekarang tidak jadi lagi dan kita tengok ada orang kampung dahulu-nya suka membeli panching ikan dan sa-bagai-nya, sekarang itu mereka itu tidak buat lagi, panching² di-kedai tidak laku lagi, kerana mereka sudah dapat belanjawan lebeh baik daripada hasil kerja mereka itu dan daripada duit yang banyak itu mereka terus membeli ikan² di-pasar dengan pendapatan yang berlebehan mereka dapati daripada hasil pekerjaan mereka itu sendiri.

Kerap kali, Dato' Yang di-Pertua, kalau kita meshuarat Budget bagini tangisan daripada ibu² menyatakan barang itu naik, barang itu naik, tetapi Alhamdulillah pada tahun ini tidak ada tangisan langsung, semua orang berpuas hati. Kata pehak Pembangkang ini ada-lah satu time Kerajaan Perikatan kerana oleh sebab tidak lama lagi ada pilihanraya. Ini satu umpan kerana kita hendak menang pilihanraya. Dato' Yang di-Pertua, perkara itu tidak sakali². Kerana pilihanraya kechil senang sahaja di-mana² kita menang. Umpamanya semalam di-Parit Bakar (Muar) tidak ada satu pehak Pembangkang PAS tidak nampak bulu mata-nya pun di-sana, tidak berani menunjokkan muka. Di-Kuantan, Doktor Mohd. Taib kita terus-menerus, tidak ada siapa berani bertanding, wal hasil tempat itu tempat yang di-fikirkan rumit, tetapi tidak ada berani siapa yang hendak bertanding. Kita harap pilihanraya ini pada fikiran saya yang singkat, Dato' Yang di-Pertua, kita akan dapat kejayaan yang lebeh besar lagi memandang tidak ada tentangan langsung daripada pehak Pembangkang di-mana². Di-kawasan saya ada sudah desas-desus daripada pehak Pembangkang khas-nya PAS hendak chari orang daripada Kelantan hendak bertanding di-tempat saya.

Saya kata kalau orang Kelantan tidak chukup wang pertarohan, saya sendiri keluarkan, kerana orang tempatan sudah tidak ada. Saya rasa di-mana² sa-kali pun bagitu juga. Pehak Pembangkang ra'ayat sudah tahu sangat

telatah pehak Pembangkang kita ini, Dato' Yang di-Pertua, kita beri balanced Budget mereka tidak bersetuju. Kita ada tentangan konfrantasi daripada pehak Sukarno, mereka masok kepada pehak Sukarno, pehak musuh boleh di-katakan.

Dato' Yang di-Pertua, saya suka menarek perhatian Dewan ini berkenaan dengan Budget yang telah di-kemukakan oleh pehak Menteri Kewangan dan pegawai²-nya. Saya suka mengambil kesempatan mengalu²kan Budget yang berlainan sedikit daripada yang sudah² ia-itu pada tiap² Kementerian kita ada summary-nya dan di-situ di-tulis dengan terang dan nyata. Apa² wang kita akan peruntokkan dan berapa kita hendak gunakan untok pembangunan dan sa-bagai-nya. Saya rasa perkara sakalian ini tidakkan menjadi apa² tentangan atau pun yang tidak terang kepada pehak Pembangkang. Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, saya tengok pada Budget Summary muka 253—Federal Land Development Authority. Di-sini kita nampak mula²-nya objectives matalamat kita. Kita terangkan apa kita hendak buat.

Yang kedua-nya chara² yang kita hendak develope perbelanjaan dan hasil yang kita akan dapat. Umpamanya, Dato' Yang di-Pertua, dengan izin Dato' Yang di-Pertua, saya bachakan satu paragraph di-sini berbunyi dalam bahasa Inggeris:

"In 1969 the F.L.D.A. administration will be extended to 81 land schemes, i.e., additional 7. These schemes would cover approximately 287,521 acres out of which 257,797 acres would be for rubber."

Dato' Yang di-Pertua, ranchangan ini boleh menjadi besar lagi kalau sa-kira-nya pehak Kerajaan PAS di-Kelantan tidak menjualkan 400,000 ekar tanah kepada pehak capitalist di-Singapura. Jadi 400,000 ekar di-champor dengan 250,000 ekar bukan sudah menjadi 650,000 ekar, Dato' Yang di-Pertua. Jadi ini bukan-kah baik kepada ra'ayat jelata, negara, ugama dan tanah ayer. Tetapi pehak PAS berbuat lain pula, jual terus-menerus kepada saudagar di-Singapura. Jadi itu-lah perbezaan pehak Pembangkang dengan pehak Kerajaan. Kita hendak bangunkan negara, mereka

hendak hanchorkan negara dan ra'ayat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan keselamatan negara, saya suka menguchapkan ribuan terima kaseh kepada Kerajaan, kerana kalau tidak kerana kebijaksanaan penganjor² kita Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak negara kita sudah ditelan oleh Manila pada hari ini. Tetapi oleh sebab kebijaksanaan mereka itu dan pegawai² luar negeri, mereka sudah pandai memainkan, chukup pintar memainkan peranan hal ehwal luar negeri sampaikan pehak Marcos diperbuatkan oleh mereka itu sa-olah² budak sekolah. Kalau saya jadi Marcos, Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu-nya pergi ka-pokok yang dekat sa-kali, bawa tali dan saya gantong leher saya, tak ada guna lagi duduk dalam dunia ini. Yang lebeh² lagi, Tuan Yang di-Pertua, world opinion—oleh sebab kepintaran mereka itu—is on our side. Ini-lah saya beri tahniah bagi pehak saya dan juga pengundi² saya di-Larut Utara kepada penganjor² kita yang bijaksana itu.

Tuan Yang di-Pertua, berapa kali kita sudah dengar dalam Dewan ini tuduhan daripada pehak Pembangkang khas-nya kita hendak mengadakan snap election, ia-itu election dengan terkejut. Sekarang kita sudah nampak terang dan nyata ia-itu kita tak akan mengadakan snap election, kalau snap election juga kita akan menang. Kita adakan election yang pada masa dan tarikh yang tertentu itu pun kita akan menang dan lebeh baik lagi. Jadi segala tohmah khas-nya pada pehak Pembangkang itu ia-lah saperti chakap budak² sekolah sahaja, langsung tidak bertanggung-jawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap satu perkara yang sangat² penting dan merbahaya kepada negara kita, khas-nya kepada orang Melayu, ia-itu simbol PAS. Simbol PAS itu, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah bulan bintang. Bulan bintang ini bukan bapak saya punya dan juga bukan bapak PAS punya. Bulan bintang itu ia-lah simbol Islam seluroh tanah ayer kita, termasuk Islam di-Negeri China dan Russia dan sa-bagai-nya. Ini sudah pun men-

jadi pergadohan di-Kelantan, tanah ayer kita khas-nya kawasan saya. Baharu² ini pemuda² tahan lasak yang baharu balek daripada kursus di-datangi oleh orang² PAS itu membesar²kan simbol PAS bulan bintang itu. Sudah-lah, apa jadi, Tuan Yang di-Pertua. Satu pergadohan sudah timbul dan tak lama lagi perkara ini akan masok ka-Mahkamah.

Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, memikirkan dengan halus di-atas perkara ini dan nyatakan kepada Kerajaan supaya simbol bulan bintang ini daripada pehak PAS di-tarek sa-mula dan di-beri satu simbol lain umpama-nya kapak kechil-kah, gergaji-kah, ikut suka mereka pilih, kerana bulan bintang ini hak orang Islam seluroh tanah ayer. Kita tak takut PAS. Perchaya-lah, Insha' Allah Pilehanraya Umum akan datang ini kita akan tangkap Negeri Kelantan, mesti kita tangkap, tetapi apa kita hendak ada di-sana chuma tinggal tulang dan hampa sahaja; yang baik semua-nya sudah tergadai dan telah di-jual.

Tuan Yang di-Pertua, untok pembangunan negara ini, saya fikir patut-lah kita jangan harapkan pada Kerajaan sebab-nya saya bukan hendak membanggakan negeri sendiri, ia-itu, Tuan Yang di-Pertua, kita sendiri pun baharu² ini dengan kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Perak, saya dan rakan² saya telah berusaha dan dengan sokongan daripada pehak Kementerian Perdagangan dan Perusahaan serta Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, kami dengan s daya upaya telah pun mengusahakan tanaman tebu, Tuan Yang di-Pertua, dengan mesin-nya sa-kali. Perbelanjaan-nya tak kurang daripada 36 juta ringgit kita akan keluarkan, dan saya bagi pehak Sharikat Gula Perak boleh menyatakan Insha' Allah pada tahun 1972 negara ini tak usah bimbang dan tak usah harap gula dari luar negeri lagi. Bekalan letrik dalam negeri Perak menjadi rumit. Tuan Yang di-Pertua, tentu bersetuju dengan saya, ia-lah sebab satu perkara yang sangat penting bagi ra'ayat jelata untok mengusahakan cottage industry dan sa-bagai-nya dalam tempoh kita mendapat taraf kemerdekaan pada tanah ayer kita ini. Ra'ayat sekarang sudah bergerak,

tetapi apa kita hendak buat, Tuan Yang di-Pertua, kalau tak ada kuasa letrik di-kampong² oleh kerana hendak buat sa-bidang tikar pun memakan masa sampai 4 hari; hendak buat satu kerusi pun kalau tak pakai jentera letrik, dua tiga hari. Dua tiga hari satu kerusi upah-nya tak sampai 50 sen sa-hari. Jadi ini tak berpatutan dengan tenaga mereka yang keluar. Oleh sebab itu saya merayu kepada pehak Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, supaya khas-nya konterek bagi pehak K.E.D. di-Negeri Perak apabila tamat tahun 1976 hendak-lah jangan di-baharu lagi. Lembaga Letrik Negara baik sadikit, fasal pentadbiran-nya quasi-government, boleh kita bersuara sadikit untuk faedah negara dan bangsa kita di-sini.

Tuan Yang di-Pertua, pada Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom, saya meminta supaya talipon ini di-adakan banyak lagi khas-nya pada kawasan saya, tetapi perkara yang tak puas hati itu chara² hendak menggunakan talipon, atau pun mechanism talipon ini, Tuan Yang di-Pertua, susah sangat. Kadang² kita dail A, kata dia tekan B, lepas kita letak duit, tak ada dapat call juga. Jadi saya minta jurutera² talipon ini gunakan chara yang senang sadikit. Kadang² sampai tiga empat hari orang² kampong tak dapat connection, tetapi duit masuk juga dalam box, call box dia terima duit, tetapi call tak dapat. Jadi saya minta jurutera² bagi pehak Jabatan Kerja Raya khas-nya Chawangan Talipon ini chari satu mechanism chara² yang senang supaya masuk sahaja duit itu umpama-nya meter motorkar, serta-merta kita dapat call itu. Ini bercorner² terlampau delicate, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-nya ucapan saya ia-lah berkenaan dengan Kementerian Kenderaan. Saya dengar daripada satu tahun ka-satu tahun, Pentadbiran Keretapi dalam tanah ayer kita ini mendapat kerugian besar dan memikirkan terlampau banyak lalu-lintas dalam tanah ayer kita ini bertambah daripada satu bulan ka-satu bulan. Saya selalu memikirkan mula², Tuan Yang di-Pertua, ia-lah macham mana orang kita ini duduk selamat dalam negara kita ini berjalan dengan

selamat daripada tempat ka-satu tempat, tetapi pada masa sekarang jalan kita telah sebok dengan traffic dan sa-bagai-nya. Memikirkan Perkhidmatan Keretapi selalu dapat kerugian, boleh di-katakan tiap² tahun, pekerja²-nya pun tak bagi kerjasama dengan penoh dengan Pentadbiran Keretapi. Baharu² ini bangunan yang bagitu baik telah terbakar, barangkali bukan daripada halalintar dan sa-bagai-nya, harus datang daripada orang dalam juga. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mendatangkan shor yang tegas di-sini supaya kita batalkan Perkhidmatan Keretapi dan reserve atau simpanan jalan keretapi bagitu baik dengan kerugian besar, mengalami tiga empat juta tiap² tahun itu kita jadikan jalan raya; jalan raya di-tempat keretapi bukan monorail. Kita cancel keretapi itu semua, kita jadikan reserve itu satu batang jalan raya yang baik di-tanah ayer kita. Barangkali kita simpan Perkhidmatan Keretapi chuma di-sabelah Kelantan dan Trengganu sahaja. Saya rasa dengan chara ini, shor ini kalau di-terima oleh Kerajaan, maka lalu-lintas kita, umpama kita hendak ka-Pulau Pinang atau ka-Selatan, kita boleh-lah katakan, "Aku akan berjalan di-atas jalan raya ini dengan selamat"! Sekarang kita ta' tentu, bukan-nya orang mabok, bahkan lalu-lintas bertambah daripada satu bulan ka-satu bulan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-nya berkenaan dengan pelabohan. Saya kuat menyatakan kalau boleh biar-lah satu tan getah atau kayu jangan hantarkan export menerusi pelabohan Singapura, kerana sadikit sa-banyak, kalau kita menghantarkan bahan mentah kita, export kita menerusi Singapura, kita sendiri yang akan rugi. Saya harap berapa perbelanjaan banyak sa-kali pun, saya akan menyokong Kementerian ini untuk mengadakan pelabohan² yang baik, di-Perai, di-Port Swettenham, di-Lumut, di-Johor Bahru dan sa-bagai-nya, tetapi chari supaya kita dapat berdiri di-atas kaki kita sendiri sa-bagai sa-buah negara yang bebas dan berdaulat. Kita adakan segala²-nya, segala² kemudahan yang di-berikan oleh Tuhan. Kita mesti jalankan usaha sa-chepat mungkin. Satu hari kita mesti ada, mengapa tak ada hari ini?

Sekian ucapan saya, Dato' Yang di-Pertua, dan di-atas kesabaran Dato' Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kaseh dan saya, juga barangkali rakan² saya akan sama ada akan berunding atau tidak pada pilehanraya yang akan datang, kita tak tahu lagi. Saya sangat terhutang budi terhadap Dato' Yang di-Pertua kerana kesabaran, kebijaksanaan pentadbiran Dewan ini. Bagi pehak pengundi² saya, Larut Utara, saya ucapkan ribuan terima kaseh kepada Dato' Yang di-Pertua dan kepada mana² kawan² kita tak akan berjumpa lagi, barangkali ada yang berunding atau tidak, saya juga mengatakan selamat jalan, Good bye.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian mengucapkan sa-tinggi² tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, yang telah membentangkan kertas kerja-nya, berkenaan perkara kewangan dan perbelanjaan Negara bagi tahun 1968 dan juga yang akan di-belanjakan pada tahun 1969. Chara² membentangkan kertas kerja dalam ucapan-nya itu, ia-lah sangat jauh maju-nya daripada masa² yang lampau. Dengan ada-nya satu buku penjelasan yang terang, yang bertulis Budget Summary ini, maka ini-lah satu kemajuan yang sangat² baik pada pandangan saya dan dengan ada-nya buku ini saya perchaya, kalau boleh, dapat di-siarkan kepada ra'ayat umum supaya mereka mengerti dengan jelas-nya bagaimana chekap Kerajaan Perikatan, menjalankan pentadbiran untuk menjayakan kemajuan² dalam negeri kita ini. Begitu juga saya ucapkan terima kaseh, juga rasa saya, kepada pegawai² yang telah bertanggungjawab menyediakan bahan² yang begitu chekap dan elok ini.

Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri, saya akan mengambil dua tiga bahagian berapa penting-nya beliau, yang pertama sa-kali, hendak menchari wang untuk membelanjakan pentadbiran negara kita ini. Chara mendapatkan wang itu, saya perhatikan, ada tiga chara, ia-itu chara mendapatkan chukai, chukai dari barang² mentah, pengeluaran dari negeri ini ka-luar negeri, chukai daripada barang²

yang datang daripada luar negeri ka-dalam negeri ini dan lagi satu chukai, ia-lah, chukai yang di-kutip dari dalam negeri ini sendiri.

Chukai barang² yang kita hantarkan ka-luar negeri di-keluarkan ia-itu barang² mentah saperti bijeh, getah dan sa-bagai-nya ini. Pada penyata ini, yang saya tengok, yang besar sa-kali pendapatan ia-lah bijeh, yang kita tahu bijeh ini satu masa ka-satu masa memang merusot—tidak bertambah, tetapi yang kedua besar-nya ia-lah getah ia-itu sa-banyak \$56 million di-chadangkan pada tahun 1969, ia-lah peluang yang besar untuk mendapatkan pendapatan kepada negara kita. Ini-lah satu perusahaan yang ada dalam negeri ini. Tuan Yang di-Pertua, yang sangat besar, jikalau di-taksirkan peratus, barang² di-tanam di-tanah ayer kita ini, ia-itu 65% barang² yang di-tanam di-negeri ini ia-lah daripada getah dan tentu-nya-lah bergantung-nya ra'ayat jelata, terhadap getah ini dan kita telah merasa akibat-nya, kejatohan harga getah, lebeh kurang sa-tahun dahulu, maka sebab itu-lah rasa saya, dalam perkara ini sangat² penting, yang kita patut mengambil bahagian dan kita tahu Kerajaan memang giat dan mengambil segala langkah yang elok. Dalam pada itu, saya ada dua tiga perkara yang saya fikir dapat di-baiki lagi, kerana getah ini, Tuan Yang di-Pertua, pada suatu masa ka-satu masa, kita mendapat tentangan yang hebat daripada pasaran² getah tiruan, daripada pasaran² yang dahulu-nya pasaran yang di-tentukan membuat barang² daripada getah telah di-ambil aleh oleh barang² lain, maka ini-lah tempat² yang telah kita rugi. Untuk berlumba atau mengambil tempat balek, tempat yang lama, ia-itu supaya getah² ini menjadi tempat yang istimewa, maka sangat perlu, Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya bagi pehak dalam negeri kita telah menjalankan segala² daya upaya kita, ia-itu mengadakan beneh² getah yang baik dan juga baharu² ini telah di-chipta satu getah yang baharu yang di-namakan S.M.R.

Getah baharu ini, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang telah saya mendapat ma'alumat pada masa saya

menghadziri beberapa meshuarat di-luar negeri, belum lagi mendapat perhatian yang berat daripada pengguna² di-luar negeri, tetapi pada masa satu dua bulan yang telah lampau, getah ini telah mendapat perhatian yang berat, bahkan negara kita tidak dapat menepati tempahan² yang di-kehendaki oleh pengguna²-nya.

Satu masalaah yang telah timbul sama-saya berjumpa dengan pengguna² getah di-Negeri² Barat ia-itu masalaah membeli getah ini. Mereka² di-sana ia-itu Negeri² Barat, oleh sebab ketatnya pusingan modal mereka itu, mereka suka jikalau dapat kita mengadakan satu chara, yang mana, boleh mereka membeli getah dengan sahcepat mungkin, ia-itu getah² baharu kita, ia-itu, jikalau di-ambil satu² pengguna getah, di-ambil sahaja talipon, dia talipon kepada kita punya pedagang² dengan serta-merta boleh mengadakan getah itu dan dia bolehlah membayar dengan serta-merta. Mereka tidak berapa sanggup hendak menanti satu dua bulan daripada negeri kita ini hendak menghantar getah ka-negeri mereka. Jadi ini-lah rasa saya, saya fikir, satu chara yang boleh mengekalkan pasaran² getah kita di-luar negeri. Jadi dalam perkara ini, saya nampak perkara yang berat ia-itu mengadakan Stockpile²-nya, mengadakan modal² yang besar yang mungkin Private Sector atau modal² persendirian tidak mampu menjalankan, maka di-sini, rasa saya, bahagian yang penting, yang berat, patut di-ambil oleh Kerajaan mengadakan modal² yang tertentu. Sa-bagaimana yang Kerajaan telah dahulu mengadakan pendahuluan wang sa-banyak \$20 million untuk mengatasi hal harga² getah pada masa kejatohan harga getah dahulu. Jadi rasa saya Kerajaan tidak akan rugi jikalau dapat, satu chara, Kerajaan menolong mengadakan stockpile² ini, di-negeri² di-mana mereka² atau pengguna² yang menggunakan getah yang begitu banyak yang boleh malariskan getah² kita ini. Bagaimana saya katakan tadi, kemungkinan getah yang kita buat sekarang, getah yang di-chipta baharu ini, akan mendapat tiruan atau di-buat oleh negara² lain, kemungkinan pasaran² itu besok, dapat di-ambil aleh,

atau pun di-tentangi oleh orang² lain pula. Jadi peluang kepada kita sekarang sangat baik, kerana kita yang pertama sa-kali menchipta getah baharu ini dan getah baharu ini diterima dengan baik oleh pengguna² getah di-negara² yang menggunakan getah ini.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, patut juga dalam menchiptakan getah² baharu ini, ia-itu Kerajaan memberi galakan, supaya kita bolehkan pengeluaran² getah di-negeri ini mengambil aleh supaya menchipta getah² baharu ini, kerana chara hendak membuat getah² baharu ini memakan modal yang banyak. Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan pekebun² yang saudagar² yang kecil modal tidak mampu menjalankan perusahaan ini. Jadi rasa saya, ini satu juga chara, dapat kita mengekalkan pengeluaran getah kita kepada pengguna² getah di-luar negeri.

Sa-lain daripada getah yang di-cheritakan tadi, kita lagi ada beberapa banyak, lebeh kurang, rasa saya, ada enam perkara, atau lima perkara bahan² mentah yang juga, mustahak mendapatkan pendapatan negara ini. Rasa saya juga patut-lah, satu perkara yang chergas juga chara² ia-itu mengadakan Export Promotion, ia-itu mengadakan, bukan sahaja memberi penerangan², ada pejabat² khas, tetapi mengambil penting bagaimana malariskan kita punya dagangan di-luar² negeri ini sungguh pun saya tengok penyata daripada F.I.D.A. ada terselit perkataan, satu daripada tugas-nya ia-lah, untuk mengambil bahagian yang chergas dalam malariskan perdagangan luar negeri. Saya berpeluang pergi ka-negeri² di-Timor Tengah dan juga di-negeri² yang banyak menggunakan barang² mentah, tetapi kekurangan saya perhatikan, hal Export Promotion kita ini ada di-negeri² itu. Sebab kata saya tadi, kita bergantung kepada sekarang ia-lah kepada barang² yang kita buat dalam negeri ini, atau barang² makanan negeri ini, di-lariskan di-luar negeri. Oleh sebab negeri kita sekarang, kita berkehendakkan pekerjaan² kepada ra'ayat negeri kita, yang kita tahu sekarang, ia-itu orang² yang tidak bekerja dalam negeri ini lebeh daripada

200 ribu sekarang yang menganggor, yang kita tahu pada satu tahun ka-satu tahun yang begitu banyak. Jadi sa-lain daripada kita menghantar mereka² ini masok ka-ranchangan² Pembangunan Negara dan Luar Bandar, maka ada sa-paroh-nya dapat kita beri kerja² dalam hal, perusahaan² yang di-cheritakan tadi.

Sekarang dari pendapatan yang saya cheritakan tadi ia-lah pendapatan barang² yang di-keluarkan keluar negeri, pendapatan daripada barang yang masuk dalam negeri, Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan, ini sangat-lah memuaskan, tetapi ada juga satu dua perkara yang saya hendak tegor, mungkin barangkali kita kehilangan pendapatan yang banyak, sa-bagaimana yang saya telah baca dalam surat² khabar ia-itu beberapa lori yang telah di-tangkap di-Johor, di-mana mereka² ini melarikan, mengelakkan chukai² daripada Kastam ini, mungkin ini akan melibatkan banyak kehilangan wang Kerjaan. Jadi saya rasa kalau sa-kira-nya barang² ini boleh di-larikan dengan lori, tentu-lah ada satu di-mana kesilapan-nya. Kalau di-larikan, saya katakan satu beg tangan, atau satu beg besar, boleh—mungkin barangkali kesilapan penjaga². Tetapi jikalau sudah pakai lori ini satu tanda tanya yang sangat berat. Jadi saya men-chadangkan supaya di-adakan double cheking, ia-itu kita chek lepas pemereksaan, dan pemereksaan lagi bersama² bekerja dengan polis dan juga tentera kita, di-adakan dua tiga chek point supaya perkara² ini tidak lepas daripada mereka² yang chuba mengelakkan daripada membayar chukai² yang begitu banyak, yang di-larikan oleh mereka untuk kepentingan mereka sendiri. Dan untuk menchegeh mereka² ini membuat perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya men-chadangkan supaya jikalau di-tangkap, di-rampas semua sa-kali perkara² ini, dan fine-nya jangan-lah kurang dan di-masokkan juga, di-kenakan jail. Tiga sa-kali hukuman di-kenakan kepada orang² yang sa-macam ini yang chuba melarikan chukai² Kerajaan ini. Jadi saya per-chaya kalau dengan chara macham ini kemungkinan orang² yang hendak men-jalankan usaha² ini akan berfikir dua

tiga atau empat kali, kalau dia hendak menjalankan perkara sa-macham ini, dan sa-lain daripada itu kita bagi “reward” yang tinggi, tidak bagaimana sekarang kita bagi 10, 15 ringgit atau 20 ringgit atau 50 ringgit sa-tinggi²-nya kepada mereka² yang memberi rahsia² kepada orang yang menyeludupkan barang² ini. Kita bagi sa-chukup² tinggi, dia punya “reward” supaya menggalakkan orang² lagi menchari rahsia orang² yang membuat kerja sa-macham ini dan juga orang² ini hendak-lah Kerajaan memberi police protection, di-jaga mereka² ini daripada di-musnahkan oleh orang² yang jahat yang chuba hendak menyeludupkan barang² ka-dalam negeri ini, mengelakkan chukai² ini.

Sekarang dalam chukai yang satu lagi ia-lah chukai di-dalam negeri sendiri yang di-kutip. Saya hendak menyentoh satu dua sahaja yang saya perchaya, yang kita rugi, mendapat pendapatan, ia-itu, satu, berkenaan dengan teksi haram. Teksi haram ini, Tuan Yang di-Pertua, chara² yang di-jalankan oleh mereka ini bukan lagi chara bagaimana yang saya telah cha-kap dahulu, ia-itu mereka² sendiri ada kereta ia-itu sa-umpama saya sendiri ada kereta, saya membawa teksi sapu atau teksi haram ini, tidak mengambil lesen, tetapi chara² yang baharu yang di-gunakan oleh mereka² ia-lah mithal-nya saya sendiri ada teksi biasa tetapi saya ada lagi tiga empat teksi haram yang saya gunakan. Dan saya sendiri—mereka² ini bukan sa-orang sahaja, ada dia punya “syndicate” atau pun company² teksi ini yang menjalankan teksi² haram ini, ia-itu dia mengadakan perjalanan daripada Singapura-Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur ka-Pualu Pinang dan ka-Butterworth. Pada satu hari ada 15 trip pergi dan balek dan mereka menggunakan teksi haram, kereta² yang baik, ia-itu Mercedes Benz yang tidak ada berlesen—lesen teksi. Kemudian mereka sendiri ada lesen, satu atau pun ada dua lesen teksi ambil menggunakan beberapa buah lesen teksi yang tidak ada membayar lesen, dan penumpang² daripada tempat ini di-kenakan \$12.00, \$15.00, daripada Singapura, rasa-nya \$12.00 mengikut penyata ini dan daripada Butterworth

di-kenakan \$13.00 pada sa-orang dan mereka di-pesan supaya jikalau ditanya oleh polis, katakan "Saya menumpang sahaja kereta ini." Ini rasa saya sangat rugi, kita tidak mendapat chukai daripada mereka² yang menjalankan ini. Jadi, saya perchaya, perkara ini, payah hendak menyelidiki, kerana kerjasama daripada orang ramai, tetapi kemungkinan dapat, rasa saya, kita jalankan penyiasatan, dapat kita pechahkan, satu "syndicate" samacham ini. Jikalau sa-kira-nya Kerajaan berkehendakkan penerangan yang penoh, saya boleh memberi, tetapi saya tidak sanggup hendak memberi dalam Dewan nama² orang ini, sebab barangkali saya akan di-chap oleh mereka kemudian kelak, tetapi saya sanggup menyampaikan penyata² yang disampaikan kepada saya ini.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, kita boleh dapat pendapatan yang banyak saya perhatikan, saya sudah berchakap juga bukan-lah baharu, tetapi rasa saya sudah dua tiga tahun yang sudah, ia-itu resit² kalau bagi pehak company² atau pun Kerajaan², atau pun sharikat², tiap² resit yang di-bayar wang \$20.00 ka-atas ada setemnya 6 sen, tetapi ini chuma kepada company² yang berdaftar dan terang, tetapi pada orang² biasa, kedai² biasa, tidak ada memberi receipt langsung, pendek-nya bayar tidak ada beresit. Ini kita hilang wang yang begitu banyak, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kalau satu chara, bagaimana Kerajaan boleh menjalankan, sa-bagaimana saya tengok di-negeri Siam, negeri Thailand, tiap² bayaran yang kita beri mesti-lah mendapat resit dan ini kerjasama dengan Pejabat² Penerangan dapat ra'ayat diberitahu bagaimana kerugian Kerajaan oleh sebab mereka² tidak membayar setem pada tiap² resit yang diterima pembayaran yang \$20.00 ka-atas. Ini akan menambah lagi pendapatan kepada Kerajaan kita.

Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri tadi

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan di-tempohkan hingga pukul 4.00 petang hari ini.

Persidangan di-tangguhkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1969

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, menyambong ucapan saya, pada masa kita berhenti pada pukul 1 tadi, chara mendapatkan pendapatan, daripada wang² untok negara, yang menarek perhatian saya ia-lah, dalam ucapan Yang Berhormat Menteri tadi, ia-itu mengenakan sekatan² barang² saperti, buahan² yang datang daripada luar negeri dan menggalakkan anak negeri ini menggunakan bahan² dalam negeri ini. Tetapi ini, rasa saya, tentu-lah sangat di-kehendaki oleh ra'ayat dalam negeri ini oleh kerana pada masa yang lampau, saya juga, telah banyak kali beruchap supaya di-sekat semua sa-kali kemasokan buahan² ini.

Satu lagi, saya berharap dapat juga perhatian, ia-itu kemasokan² motorkar² yang di-kira luxury, ia-itu yang tidak mustahak, patut sangat di-naikkan chukai²-nya, supaya mereka² yang betul² boleh membuang wang sahaja, yang memakai kereta² itu. Dan dengan chara ini, rasa saya, kita tidak dapat melipat gandakan lagi pendapatan kita.

Sa-telah saya berchakap, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pendapatan daripada pengeluaran barang² mentah daripada negeri ini dan juga pendapatan daripada barang² dalam negeri ini, dalam perkara ini, saya mengambil peluang menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada pegawai² yang bertugas yang menyebabkan pendapatan negara kita, dari anggapan² kita, sa-tahun kasatahun, tidak ada merosot, bahkan bertambah dari sa-masa ka-samasa. Kecekapan mereka² ini, saya puji, tetapi dalam perkara itu, saya berharap, supaya, galakan² di-beri lagi, ia-itu saperti pegawai² yang betul² chergas mendapatkan yang saperti pegawai² dalam Income Tax, Pegawai² Preventive Kastam, pegawai² yang bertanggung-jawab

mendapatkan wang yang banyak ini, menyelidek, daripada penyeludop², mereka² yang melarikan daripada membayar chukai ini, di-jaga keselamatan mereka². Sebab saya berkata begitu, Tuan Yang di-Pertua, ada kejadian baharu² ini, mungkin oleh sebab pegawai ini sangat chergas dan dengan chergas pegawai ini, menyebabkan bermelion² ringgit, Kerajaan kita dapat daripada penyelidekan²-nya tadi. Dan pegawai itu telah di-serang, saya tidak-lah hendak sebutkan siapa, sebab apa perkara ini, saya tahu perkara ini dalam mahkamah, tetapi ini-lah satu chontoh, maka kalau kita tidak beri perlindungan keselamatan kepada pegawai² yang chergas macham ini, kegiatan pegawai² lain, besok, akan menjadi galangan kepada mereka² yang hendak bekerja yang begitu chergas.

Jadi itu satu chara-nya. Yang kedua keselamatan pada masa, kalau mereka itu terlibat dalam chara² di-sebut tadi ia-itu ugutan atau pun nyawa mereka terancam, atau pun nyawa-nya dihapuskan oleh mereka² yang saya ceritakan tadi, kita hendak-lah memberi satu jaminan keselamatan kepada keluarga-nya, seperti mengadakan satu insuran keselamatan kepada pegawai² itu. Jadi mereka bekerja tidak-lah takut, ia-itu yang pertama, mereka ada di-jaga oleh pegawai keselamatan-nya, yang kedua jika terlibat, mereka², dalam kemalangan maka keselamatan mereka dan keluarga mereka terjamin.

Sa-bagaimana saya tahu di-Amerika dan juga negeri² Barat, pegawai² yang sa-macham ini, di-jaga khas dan diberi keselamatan daripada terlibat di-aniaya oleh orang² yang mengelakkan membayar chukai². Sebab orang² yang membayar chukai² yang banyak ini ia-lah orang² yang kaya². Mereka mungkin boleh memberi beberapa banyak wang kepada pegganas² mengambil nyawa pegawai² itu. Jadi, saya harap, perkara ini dapat di-ator dan kita beri galakan, supaya mereka² ini dapat bekerja chergas lagi.

Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri tadi, berkenaan dengan satu lagi, ia-itu kelonggaran yang telah diberi kepada perusahaan negeri ini, ia-itu perusahaan membalak kayu². Maka

saya mengambil peluang-lah mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Menteri itu, ia-itu telah melonggarkan kesusahan² yang telah dialami oleh perusahaan² balak, ia-itu menghapuskan chukai 50% chukai² yang di-bayar kepada Kerajaan² Negeri dan di-ganti dengan chukai keuntungan. Maka dengan ini saya rasa sudah menasabah dan tepat-lah chara² chukai yang patut di-kenakan.

Dalam ucapan Menteri tadi, sa-lain dari mendapatkan wang, Yang Berhormat Menteri, hendak memajukan kemajuan negeri ini, chuba-mchari wang dengan chara meminjam, baik di-luar negeri atau di-dalam negeri. Chara meminjam ini, Tuan Yang di-Pertua, baik, kerana chara² meminjam itu, orang yang di-perchayai dan orang yang meminjam itu tentulah orang yang ada stable dan boleh membayar balek hutang²-nya dan dengan sebab itu, kita tengok-lah sambutan² daripada ra'ayat negeri ini dan juga daripada negara² luar terhadap pinjaman² kita itu sangat² baik. Dalam pada itu saya memberi satu pandangan sa-lain daripada meminjam ada juga satu chara yang saya fikir boleh mendapatkan wang untuk pembangunan negara dengan tidak payah meminjam, ia-itu saya memerhatikan ia-itu pengguna² talipon yang ada di-dalam tanah ayer kita ada sa-banyak 85.000 yang sa-masa ini chuma pengguna² di-kenakan bayar deposit sa-banyak \$17.60 sa-rendah²-nya. Jadi, rasa saya, jikalau dapat di-tinggikan sampai \$50 atau \$100 mungkin kita boleh dapat wang simpanan sa-banyak 10 atau 15 million ringgit ini akan boleh juga memberi bantuan kepada Kerajaan menggunakan wang² ini untuk pembangunan negara kita dan ini juga, rasa saya, tidak ada menjadi berat kepada pengguna² talipon, kerana mereka ada kemampuan boleh membayar-nya.

Sa-lain daripada meminjam tadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan tadi, ada menegaskan betapa mustahaknya, ia-itu Menteri Yang Berhormat menegor, ia-itu chara² membelanjakan wang supaya jimat chermat. Maka saya mengambil peluang memberi pujian sa-tinggi²-nya atas ikhtiar beliau dan juga Kementerian-nya atas ingatan²

supaya kita berchermat dalam perkara ini. Perkara ini rasa saya, saya chuma memberi satu dua pandangan untuk panduan Yang Berhormat Menteri, ia-itu, kita maseh lagi, pada pandangan saya pejabat² yang *redundant*, yang rasa saya tidak mustahak. Sa-umpama, saya kata-kan, satu pejabat yang saya fikir tidak lagi mustahak, ia-itu rehabilitation of ex-special constable, yang mana perbelanjaan-nya pada tahun hadapan sa-banyak \$126,000 di-kenakan pada hal mengikut penyata yang ada di-hadapan saya ini, pada tahun 1968, chuma kerja yang ada dua, memberi dua orang sahaja berhutang.

Jadi, ini-lah satu pandangan sahaja, saya tidak tahu pejabat² lain, satu pejabat yang saya fikir patut-lah ditutup yang mana boleh mengurangkan lagi belanja² Kerajaan kita. Tugas² ini, patut-lah, supaya boleh di-jalankan oleh pejabat² saperti Perbendaharaan atau pun pejabat² lain yang boleh mengutip balek wang yang telah di-beri hutang kapada bekas pasokan keselamatan yang lama itu, tetapi pada fahaman saya hutang² ini, kemungkinan tidak dapat di-kutip, sebab mengikut dalam penyata ini, sudah beberapa tahun tidak bergerak lagi, sunggoh pun ada di-tulis di-sini \$41,000 telah di-kutip, semenjak loan sudah di-beri sa-banyak \$7 million chuma dapat di-kutip \$41,000 sahaja. Jadi, saya rasa, kerjanya, lain tidak ada chuma memberi pinjaman dalam tahun 1968 kapada dua orang sahaja. Ada-lah baik-nya, untuk menyelamatkan wang negeri, pejabat ini di-tutup dan tugas²-nya di-beri kapada Pejabat Perbendaharaan dan juga pejabat² lain.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjimatkan belanja, saya memberi satu pandangan, satu chara yang telah di-buat baharu² ini oleh Kerajaan kita, ia-itu chara menjalankan kerja² beanaan², malalui contract² Kerajaan, ia-itu sa-chara baharu ini semua contract seluruh tanah ayer yang di-buat oleh Kerajaan Federal hendaklah di-putuskan oleh, pusat tender yang di-adakan di-Kuala Lumpur ini. Ini mengakibatkan satu² tender itu tidak dapat di-putuskan dalam masa yang tertentu, mengambil masa, kadang² panjangkan sampai dua kali; ada satu² tender itu sampai 8 bulan,

yang patut boleh di-putuskan dalam masa yang di-tentukan ia-itu 60 hari. Ini rasa saya akan melebehkan belanja, mungkin oleh sebab berlanjutan tarikh tender itu harga tender itu tidak boleh di-jalankan oleh contract itu dan mungkin di-tender balek sa-mula, ini mengakibatkan akan mengadakan belanja yang banyak lagi. Ini saya bagi satu chontoh sahaja, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita dapat menyelamatkan perbelanjaan kita yang saya dapat perhatikan dari pengalaman saya yang saya dapat memberi ma'alumat. Sambil itu, rasa saya patut ada satu Jawatan-kuasa di-tubuhkan di-sini rasa saya yang telah di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, satu Jawatan-kuasa menjaga, jimat chermat hal perjalanan Kerajaan ini yang telah di-tubuhkan ia-itu Estimates Committee-kah, saya pun tidak berapa jelas tadi, dapat juga menyelidek seluruh pejabat² di-tanah ayer kita kemungkinan ada pejabat² yang tidak mustahak banyak pegawai². Sebab saya kata bagitu maseh ada separoh² pejabat pegawai² terlampau banyak dan kita tengok pegawai² ini ada yang leka dengan kerja sendiri masing². Jadi patut-lah sangat kita adakan pegawai² yang sa-macham ini, berjalan dengan sulit, memerhatikan, tiap² pejabat, apakah sebab, mengapa yang pejabat² itu, mengadakan bagitu banyak orang bekerja. Ini satu chara lagi kita dapat menjimatkan perbelanjaan kita.

Sa-telah saya mencheritakan kita dapat menjimatkan perbelanjaan, saya, sa-kali lagi, memberi tahniah kapada Kerajaan—kapada Menteri ini, kerana kecekapan mendapatkan wang dan menjimatkan perbelanjaan dan juga dengan ada perbelanjaan yang telah di-untokkan dalam tahun 1968 ini dapat mengembangkan kamajuan negara kita, yang menyebabkan ketegasan wang kita, ia-itu external reserve kita, telah meningkat sekarang, bukan lagi merusut sa-bagaimana yang di-tudoh oleh parti lawan, ia-itu kita bengkrap kerana kita berhutang, tetapi kita tengok sekarang dalam penyata ini terang, ia-itu external reserve kita pada sa-tahun ka-satahun naik. Pada tahun 1968 sahaja kita telah ada \$70 million wang external reserve kita, ada lebeh daripada biasa. Jadi, ini satu bukti,

menunjokkan yang Kerajaan Perikatan memerintah negeri ini, tidak-lah sebagaimana burok-nya, di-tuduhkan oleh parti² lawan di-negeri ini.

Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri tadi beliau sangat khuatir terutama sa-kali ia-lah berkenaan dengan penganggoran dalam negeri ini. Dalam ucapan-nya, ada tiga, empat tempat dia menyebutkan berkenaan dengan penganggoran. Dalam penganggoran ini, Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya ada beberapa factor yang saya fikir dapat perhatian atau dapat di-betulkan atau pun di-fakirkan. Kita sekarang menjalankan ranchangan pembangunan luar bandar dan telah mengambil bahagian yang chergas untuk mengurangkan penganggoran tetapi belum lagi, menghapuskan penganggoran² ini. Jadi, dalam perkara ini Kerajaan² Negeri saperti Kerajaan Negeri Pahang telah mengambil langkah yang pertama—mengambil langkah yang tegas membuka tanah² yang banyak dan dengan chara ini kita dapat memberi peluang², penganggoran ini dapat di-hapuskan, dan mereka² ini boleh masuk dalam ranchangan² yang di-ator oleh Kerajaan Pahang dan juga tanah² yang di-ator oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, dalam segi penganggoran ini, dalam pengalaman saya, saya berjumpa dengan beberapa perusahaan² daripada perusahaan pekebun yang besar², atau pun perusahaan yang kechil² mereka ini berasa kurang galakan hendak menggunakan buroh² di-tempat² mereka, atas alasan mereka, ia-lah kerana mereka² terpaksa membayar yang dinamakan Payroll Tax, maka ini-lah, rasa saya, kebanyakan mereka² ini, tiada hendak bergiat hendak mengambil banyak orang yang bekerja, oleh sebab mereka terpaksa membayar Payroll Tax ini. Jadi saya ta' tahu-lah akibat-nya ada-kah kita dapat menyiasat lebeh dalam—Kerajaan dapat menyiasat lebeh dalam, apa-kah, sa-telah kita mengadakan Payroll Tax ini menyebabkan perusahaan² ini, saperti ladang² getah dan sa-bagai-nya merusut-nya mereka gunakan buroh² kasar ini. Jikalau dapat, penyata² tegas dan terang sebab ada-nya Payroll Tax ini,

maka merusui mereka menggunakan buroh² ini patut juga-lah dapat di-timbangkan Payroll Tax ini, supaya tiap² perusahaan² di-galakan menggunakan buroh² ini, saperti mana saya tahu, banyak buroh di-kehendaki di-negeri² Sabah dan Sarawak dan jikalau ada Payroll Tax sa-macam ini, saya rasa tidak dapat menggalakkan mereka² menggunakan buroh² ini.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penganggor² ini satu perkara yang merumitkan sedikit ia-lah chara² mereka hendak mendapatkan kerja², ia-itu berkenaan dengan Labour Exchange. Labour Exchange sekarang sunggoh pun ada tetapi, belum lagi chukup chekap, belum chukup terator sa-bagaimana di-tempat saya, Tuan Yang di-Pertua, Labour Exchange ini, dia datang mendaftar chuma dua minggu sa-kali, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kemungkinan penganggor² ini tidak dapat mendaftarkan dirinya pada masa yang di-tentukan itu. Macham Labour Exchange saya di-Temerloh itu pegawai² daripada Kuala Lumpur ini terpaksa berlepas hari itu ka-Temerloh dan dia bekerja satu hari sa-tinggi²-nya dia boleh mendaftar sa-banyak 25 atau pun 30 buroh sahaja, mungkin buroh² yang akan mendaftar itu ramai dan ini juga melibatkan keadaan perburohan kita tidak puas hati.

Dalam ucapan Menteri untuk menaikan chukai² berkenaan dengan buah²an luar negeri, saya ada dua rayuan saya dapat terima, ia-itu berkenaan dengan buah² limau yang digunakan begitu banyak oleh orang China pada masa Tahun Baru, dan juga buah² tamar yang di-gunakan oleh orang Islam ia-itu pada masa Puasa, mereka² merayu kepada Kerajaan supaya dapat pada masa perayaan² ini di-bebaskan atau pun di-kurangkan chukai² itu untuk kegunaan² ugama mereka.

Dalam ucapan Menteri menitekberatkan supaya negeri kita ini, ia-itu sa-lain daripada mengusahakan pertanian, ia-itu banyak menitekberatkan supaya negeri kita ini mengadakan indasteri². Saya chuba hendak menegor sedikit sa-banyak dalam perkara indasteri, Tuan Yang di-Pertua. Saya

puji usaha² Kerajaan, tetapi dalam satu dua perkara yang saya harap, sungguh pun perkara ini telah di-tegor banyak kali dalam Dewan ini atas mutu² barang² yang di-keluarkan oleh perusahaan² negeri kita ini. Saya sendiri berpengalaman sangat dalam perkara ini kerana berkenaan dengan tayar. Saya rasa banyak wakil² ra'ayat pun ada pengalaman yang telah di-chapkan dalam Dewan ini, banyak kali, tetapi tegoran² itu maseh lagi tidak bergerak mutu-nya. Dan juga saya dapat pengalaman berkenaan dengan beteri di-buat dalam tanah ayer kita ini tidak-lah chekap dan tidak-lah baik sa-bagaimana yang di-buat dan yang datang dari luar negeri. Dan begitu juga lain barang² saya chuba pula membeli buatan Tanah Melayu, buatan tanah ayer kita ini, ia-itu flask atau tempat ayer panas yang tidak boleh tahan lebih daripada lima jam. Jadi, ini-lah yang merunsingkan saya. Kita mengadakan indasteri² tetapi kemungkinan mendapatkan bahan² pengeluaran yang baik dan mengakibatkan besok, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana ucapan saya pagi tadi ia-itu barang² kita ini, tidak boleh di-jual ka-luar negeri walau pun kita ada begitu banyak, tidak boleh jual, sebab mutu²-nya kurang, di-pasaran negeri² lain. Jadi, saya menhadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya di-adakan pejabat supaya kita boleh membawa perkara² macham saya mengalami perkara² yang di-cheritakan tadi, saya boleh membawa perkara ini. ka-pejabat ini, dan pejabat ini bertindak terus kepada tiap² sharikat yang berkenaan. Jika mereka tidak menjalankan tugas saperti mana yang di-kehendaki oleh negara kita yang memberi lesen, kita tahan lesen mereka itu. Sa-bagaimana kita telah dengar fasal tayar, saya rasa kita telah berchepak dua tahun, tetapi maseh lagi hari ini saya mendengar wakil dari Kedah, dia maseh lagi membeli tayar, beli sahaja dua hari dia mengelembong. Jadi, sungguh pun dia kata boleh di-pulangkan balek tetapi ini merunsingkan kita, bukan sebab di-pulangkan tetapi sebab mutunya kurang baik. Jadi, kalau mutu pengeluaran industries semacham ini maka barang² perusahaan² negeri ini tidak akan mendapat pasaran di-luar negeri.

Saya harap dapat di-timbangan mengadakan satu pejabat yang saya katakan tadi.

Dalam pembangunan saya sedikit sahaja hendak menyentoh, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa pembangunan dalam kawasan saya, saya hendak mengambil peluang di-Dewan ini memberi ucapan tahniah, terutama sa-kali kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang telah mengadakan ranchangan, terutama sa-kali ranchangan yang besar sa-kali ia-itu Jengka Triangle yang memakan wang berpuluh mellow untuk kemudahan dan kebaikan ra'ayat. Ranchangan ini ranchangan yang besar, saya rasa. Jadi, saya sa-kali lagi mengambil peluang menguchapkan terima kaseh kepada Kerajaan yang telah membuat ranchangan dalam kawasan saya. Ranchangan² lain yang telah di-laksanakan, boleh di-katakan, semua ranchangan yang di-jalankan itu, semua telah memberi puas hati saperti ranchangan² kechil, jalan² raya, ampangan² ayer dan sa-bagai-nya semua telah di-jalankan. Ada di-hadapan saya ini penyata yang memakan wang berpuluh ribu ringgit yang telah di-jayakan. Jadi, saya mengambil peluang memberi tahniah kepada Kerajaan yang telah menjayakan perkara ini. Berkenaan Ranchangan F.L.D.A., ada satu perkara yang saya dapati ia-itu pehak², saya chap mereka yang buat ini ia-lah di-rasok oleh anasir² sabversif, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu mereka, peserta² ini di-hasut oleh anasir² sabversif, ia-itu daripada parti² yang menentang Kerajaan, pada masa ini, ia-itu menghasut peserta² ini supaya merosakkan Ranchangan² F.L.D.A. ini, ia-itu saya cheritakan, pokok² getah yang begitu baik, Tuan Yang di-Pertua, yang sudah berumur 7—8 tahun mereka memberi penerangan, menyebabkan peserta² itu membuat plan, toreh pokok getah itu satu batang sampai enam salor, macham kita hendak tanam sa-mula hendak di-tebang pokok² ini, dan getah² itu bukan di-hantar untuk di-jual kepada saloran yang tertentu, tetapi di-jual dengan sa-chara gelap. Jadi, ini bukan kerana apa, ia-lah kerana asutan² daripada anasir² yang saya kata jahat tadi. Jadi, saya rasa, satu tindakan patut di-ambil oleh

Kerajaan dengan tegas, ia-itu mereka yang terlibat dalam perkara ini patutlah di-ambil langkah di-singkir mereka daripada ranchangan² ini, kalau mereka ini ada mengambil bahagian bersama² dengan orang yang menghasut dalam perkara ini.

Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu ranchangan² yang begitu baik untuk ra'ayat jelata, untuk orang yang miskin, ada mereka² yang memberi penerangan tidak betul, yang mengatakan ini bukan tanah awak, ini ranchangan tidak memberi faedah kepada awak, lebih baik potong lekas² besok awak akan di-tendang keluar daripada ranchangan ini. Jadi, mereka² ini tidak mendapat penerangan yang baik, menyebabkan terikut dan jadi perkara macam ini. Saya harap perkara ini dapat perhatian dan di-ambil tindakan terhadap bukan sahaja orang yang menghasut, tetapi, peserta² yang mengambil bahagian itu, kita beri kursus, kita beri penerangan. Kalau mereka tidak mahu ikut, kita keluarkan daripada ranchangan² itu.

Dalam ucapan Menteri Yang Berhormat ada menitikberatkan berkenaan dengan hal penganggoran, dan ini, saya rasa, penganggoran ini juga melibatkan banyak perkara² jenayah yang telah jadi dalam tanah ayer kita ini. Dalam perkara ini, pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak mengikut ucapan Yang Berhormat Menteri mereka² yang berumur di-antara 19 sampai 24 tahun yang terlibat kebanyakan dalam perkara ini. Jadi, saya rasa dan pandang, ia-itu, bagaimana ucapan saya lebih kurang pada enam tujuh tahun dahulu, sungguh pun pada masa itu saya telah di-jawab oleh pihak Menteri ia-itu kita tidak ada wang, ia-itu murid² atau pun pemuda² ini, kita tidak boleh lepaskan mereka² bebas dalam umur yang tertentu tadi, ia-itu yang di-katakan di-antara 19 sampai 24 tahun. Mereka patut menjalankan satu asohan bersifat militeri-kah? Supaya dapat mereka² ini di-disiplinkan bagaimana kita buat bagi militeri. Kita tengok dalam militeri tidak ada orang boleh pakai rambut "hippies". Saya terbaca dalam surat-khabar ada sa-orang kenamaan—saya tidak hendak

cheritakan nama-nya—yang memakai rambut yang luar biasa, tetapi bila masuk sahaja militeri rambut-nya kena potong terus. Jadi dengan chara macam ini, pemuda² ini dapat di-ator tabiat-nya sa-lama dua tiga tahun, dan bila masuk 21 tahun dia cukup matang fikiran-nya dan saya rasa dengan chara macam ini, dapat-lah kita ada masyarakat yang baik.

Bagitu juga, Tuan Yang di-Pertua, dalam sekolah patut sangat Guru² Besar sekarang menjaga disiplin, tabiat², kelakuan² murid². Kita tidak mahu "hippies" ada dalam sekolah. Ini saya rasa mushkil dalam universiti pun ada "hippies". "Hippies" ini tidak ada kena-mengena dengan kebudayaan Asia kita. Tetapi yang saya mushkilkan kejadian ini, di-sebabkan kurang disiplin, oleh sebab, pertama, saya rasa, Guru² Besar atau guru² tidak dapat control, tidak dapat menjaga murid² ini, kerana guru² tangan-nya kena ikat ia-itu dengan sebab undang², peratoran. Patut peratoran ini di-longgarkan, bolehkan guru² itu di-beri kuasa merotan, sebab ada satu kejadian di-tempat saya—saya tidak cheritakan perkara ini—perkara ini akan pergi ka-mahkamah—satu kejadian budak² "hippies" ini bertikam dengan guru-nya. Pada hal masa saya dan kita semua pergi sekolah dahulu, Tuan Yang di-Pertua, kita takut kepada guru, tetapi sekarang tidak—murid² boleh menggunakan pisau melawan guru dan sa-balek-nya guru-nya pun menggunakan pisau juga. Jadi ada disiplin², dan jika berpanjangan-lah dalam tanah ayer kita, saya tidak tahu apa akan terjadi pada masa hadapan. Maka patut sangat di-ambil langkah yang chergas, supaya menghapuskan kelakuan kasar, sedikit demi sedikit dengan di-ajar budak² ini supaya berkelakuan baik dan sa-bagainya.

Dan yang lagi satu menggalakkan pemuda² ini meniru melalui talivishen, ia-itu berkenaan dengan rompak-merompak dan sa-bagai-nya. Bagitu juga gambar² hippies ini jangan di-pamir melalui wayang², melalui comic dan melalui buku². Patut ini semua di-ban semua sa-kali dalam negeri kita, jangan kita benarkan masuk

dalam negeri kita, supaya tidak menjadi chontoh kepada pemuda². Ma'alum-lah, pemuda² suka memandang talavishen kerana chara merompak, aku senang boleh makan, boleh minum, boleh jolii, boleh dance, tetapi mereka tidak tahu macham mana akibat-nya itu, dia tidak pandang—dia pandang yang senang sahaja. Jadi, rasa saya, ini, menjadi chontoh, patut di-padamkan terus pada masa hadapan, dalam perkara ini.

Satu perkara yang penyudah-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentoh sedikit sahaja berkenaan dengan Kementerian Pelajaran. Saya puji-lah yang tempat saya banyak dapat sekolah, banyak sekolah² baharu dan juga murid² banyak juga yang sudah, boleh di-katakan lulus tinggi dan rendah. Saya berharap supaya Kerajaan kita menggunakan murid² yang lulus daripada semua peringkat ijazah² keluaran sekolah kita ini dengan seratus peratus dan tidak kita hendak menggunakan, mengambil orang² yang lulus daripada sekolah² yang tidak kita iktirafkan ijazah²-nya. Umpamanya, rasa saya, kita tidak mengiktirafkan ijazah² yang datang daripada Nanyang Universiti. Saya merasa mushkil ada pejabat² yang mengutamakan ijazah daripada Universiti ini, pada hal kita sendiri tidak menggunakan murid² yang lulus daripada sekolah² kita, sa-umpama pejabat E.P.F. di-mana 85% Inspector² E.P.F. ini ia-lah penuntut keluaran yang mendapat ijazah daripada Nanyang Universiti, pada hal kita boleh menggunakan budak² kita yang pass Form VI, V yang tidak masuk Universiti kita. Kita boleh gunakan budak² ini, mengapa sebab-nya kita hendak pakai mereka² yang datang daripada luar negeri yang ijazah-nya kita tidak iktiraf. Jadi di-sini sangat rumit, Tuan Yang di-Pertua, kita selalu mendapat rungutan daripada murid² kita yang keluar daripada sekolah kita yang tidak dapat peluang² bekerja dalam pejabat² kita; kita mengutamakan ijazah daripada sekolah atau pun badan² pelajaran yang tidak kita iktiraf.

Penyudah-nya sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, satu berkenaan dengan Kolej Islam, Tuan Yang di-Pertua.

Saya mendapat tahu baharu² ini satu dasar telah di-tetapkan, ia-itu Kolej Islam yang ada di-Petaling Jaya, mereka yang hendak masuk di-dalam itu ada sekatan² umur. Ini sangat merunsingkan terutama sa-kali Kolej Islam yang ada di-Kelang dan juga murid² yang ada belajar di-sekolah² ra'ayat di-seluruh tanah ayer yang akan masuk ka-Kolej Islam yang hendak belajar tinggi. Dengan ada-nya sekatan² umur ini kemungkinan banyak sekarang murid² yang belajar di-sekolah² ra'ayat daripada sekolah² ugama yang hendak masuk ka-Kolej Islam di-Klang tidak dapat lagi masuk di-Kolej Petaling Jaya oleh sebab sekatan umur. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bentangkan sedikit hal Kolej Islam yang ditubuhkan dahulu ia-lah dengan bertujuan supaya mengambil murid² yang daripada sekolah² ra'ayat, sekolah² ugama di-seluruh tanah ayer dan murid² dari sekolah tanah ayer ini. Tuan Yang di-Pertua, ia-lah murid² yang lepas daripada sekolah² kebangsaan yang umur-nya telah lebeh yang tidak dapat melanjutkan pelajaran-nya mengikut sekolah² biasa. Jadi dia masuk ka-sekolah ugama dapat pelajaran lulus, boleh masuk ka-Kolej Islam ini. Tetapi bila dia di-sekat umur ini, maka peluang² mereka hendak pergi ka-Universiti sudah tidak ada lagi peluang. Jadi rasa saya dasar kolej ini patut kita timbangkan sa-bagaimana negeri² yang maju yang saya perhatikan, tidak ada menetapkan umur dalam kolej². Patut pengajian² tinggi ini, kita beri peluang pada mereka² yang hendak belajar. Jadi rasa saya banyak pelajaran, banyak orang pandai, mungkin negara ini lebeh baik. Ini-lah kerunsingan² daripada murid² yang sedang belajar, yang begitu ramai di-tanah ayer kita daripada sekolah² ugama, yang umur-nya lebeh, ia-itu murid² yang tidak boleh belajar dalam sekolah² biasa kerana umur lebeh mungkin mereka tidak ada harapan lagi hendak belajar di-situ. Saya tidak menengok jelas arahan itu. saya telah di-beri tahu oleh sa-orang guru besar sekolah ra'ayat; ia-itu chara² yang telah di-kenakan baharu² ini. Jadi saya harap perkara ini dapat di-timbangkan. Kalau sa-kira-nya

tidak dapat di-timbangan, saya berharap Kolej Islam yang dahulu itu di-jalankan sa-bagaimana dahulu dan kita sekarang adakan Universiti Islam terus, di-mana budak² daripada kolej ini terus masok ka-Universiti Islam dan tidak lagi hendak masok Universiti Kebangsaan pada masa ini. Bagaimana tujuan asas Kolej Islam di-adakan, ia-itu biar-lah murid² yang ada di-sekolah² ra'ayat di-seluruh tanah ayer sekarang, dapat belajar ka-Universiti Islam terus, dan tidak lagi hendak memasoki ka-Universiti Kebangsaan.

Jadi rasa saya, Tuan Yang di-Pertua, itu-lah ucapan saya dan juga saya mengambil peluang, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu oleh sebab Dewan ini—kita akan menutup Dewan kita pada sa-kali ini, saya berpeluang menguchapkan terima kaseh kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sa-lama Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan, saya telah dapat arahan² yang baik daripada Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan sebanyak² terima kaseh dan begitu juga kepada rakan² saya di-sini, mungkin barangkali kita berjumpa atau tidak berjumpa di-Dewan ini, ia-itu segala perbahathan dan sa-bagai-nya, jikalau menyakiti hati dan sa-bagai-nya, kita sama² tinggalkan dalam bilek ini. Dengan itu kita harap maju pada masa hadapan dan di-harap bertemu lagi pada masa hadapan. Terima kaseh.

Tuan Ong Kee Hui (Sarawak): Mr Speaker, Sir, at the recent meeting of the Council Negeri in Sarawak I warned the State Alliance Government that the Malaysian "honeymoon" is over and that hereafter the people of Sarawak have to settle down to the duties of a "housewife" in the Malaysian "harem". My assessment of the situation, Sir, seems to have been confirmed by what the Honourable Minister of Finance had to say in his Budget Speech. This year the Honourable Minister of Finance struck an unusually cheerful note in his Budget Speech despite the fact that he is budgeting for a deficit. Last year he was not quite so optimistic when he presented the 1968 Budget, although he

tried to be reassuring by telling us that he can "see the light at the end of the tunnel". This was in sharp contrast to his 1967 Budget when he was somewhat gloomy in expressing the Treasury's concern that it was not possible to cut down much on the recurrent expenditure as 25 per cent of the Budget consists of expenditures charged by law which cannot be reduced, and also in pointing out that the public debt alone accounted for 12 per cent of the Ordinary Estimates in 1967. He then went on to say, and I quote, "The cost of servicing our public debt is steadily rising and absorbs a major share of the total ordinary budget expenditure."

Having painted this sombre picture of our economic situation in 1967, the Honourable Finance Minister proceeded to introduce a number of taxes including the development tax of 5%.

Mr Speaker, Sir, today the situation seems to have changed radically. The Honourable Finance Minister now thinks that we have reached an optimum level of taxation. In other words, Sir, any further squeeze will not produce many more eggs from the goose that lays the golden eggs; it might even endanger its health. If that is the situation, Sir, then it is vital that we should examine closely all expenditure to make quite sure that there is no extravagance, and also wherever possible there will be economic returns. With the 1967 Budget fresh in my mind, I must confess that I was a bit surprised at the light-hearted manner in which the Honourable Finance Minister presented the 1969 Budget with a deficit of \$75 million on the current account and an overall deficit of \$665 million, a major part of which will have to be met by loans.

With the experience of former years in mind, we can be certain that this deficit will become bigger in the course of the year and the House will be asked to provide more by Supplementary Supply Bills. Honourable Members are aware that the Supplementary Supply Bills for 1968 are before this House for our consideration. Mr Speaker, Sir, people must begin to wonder whether

the tone of the Honourable Finance Minister's speech is determined by the changing moods of the Minister, or the real economic situation of the nation, or to suit his Budget proposals for the particular year. This year one cannot help feeling that the Minister, like a doctor, is putting on his best bedside manners to his patient who might otherwise wish to call in another doctor to convince him that there is no cause for alarm, that he is in fact making a splendid recovery and should soon be on his feet. He has assured the patient that the treatment given in 1967 had the desired effect and need not be repeated.

In fairness to the Honourable Finance Minister, Sir, I must say that as a "general practitioner" in high finance, although he did not hesitate to prescribe or even experiment with new and sometimes unusual forms of taxation, such as the crown cork tax and the turnover tax, he has no hesitation also in discarding prescriptions when it becomes apparent to him that the patient is allergic to his medicine. In this respect, Sir, we are glad that the 5% development tax is to be modified and that the many small traders who make less than \$1,000 a year will be exempted from payment of this tax. When the 5% development tax was introduced in 1967, we on this side of the House made a strong plea on behalf of those small traders on whom this tax would cause great hardship if they had to pay the minimum of \$100 per year. The sharp reply we got was that if those businesses could not afford to pay \$100 tax a year, they should not exist. It is heartening for us that the Honourable Finance Minister appears to be more understanding and more sympathetic of their plight now.

Mr Speaker, Sir, the tax on the timber tycoons is also to be adjusted and a surplus profit on logging operations imposed. I am not quite clear as to how this will operate. Those who will be affected are naturally upset by this new imposition and will no doubt make further representation. It seems to me, Sir, that in principle it is only right that those who acquire the right to exploit the natural resources of the

country should be called upon to make a greater contribution to the revenue of the State, for the benefit of those who are not so fortunately placed. If the Honourable Finance Minister wants the timber tycoons to pay greater contribution to the Federal Treasury as well, his Alliance backbenchers are better qualified than I am to advise him as to how much they can afford. I understand, Sir, that as the price for these concessions which are changing hands becomes higher and higher, the law of diminishing returns are beginning to operate and the Finance Minister will find that he will not be so popular with his friends.

To the people of West Malaysia the 1969 Budget, which the *Straits Times* has aptly called the "Oranges and Apples Budget", would appear to let them off quite lightly. To the people of East Malaysia, however, it will be received with mixed feelings as there are for them, particularly for Sarawak, so many unresolved factors in the Budget as far as they are concerned.

In accordance with the Inter-Governmental Agreement, an Annual Balancing Grant and an Annual Escalating Grant are payable to Sarawak each year. Sabah is entitled to a grant equal to 40% of the difference between the net Revenue derived by the Federation from Sabah and the net "Federal" Revenue of Sabah. This grant amounted to \$5,800,000 and \$21 million respectively in the case of Sarawak in 1968 and \$11 million in the case of Sabah. In the 1969 Budget, however, these items are shown as token votes of \$10 each under Head T. 12, Sub-heads 1 (iv), (vii) and (x) of the 1969 Estimates, Command Paper 3 of 1969. The total amount under these three sub-heads came to \$37,800,000 in 1968. The matter is still under discussion between the Federal and the two State Governments but the Honourable Finance Minister has indicated in his Budget Speech that he estimated that the total will be about \$32 million. There will therefore be a possible reduction by \$5,800,000, but we are not told at whose expense this reduction will be made.

These grants payable to the two States were agreed upon in order to enable the States to catch up with the more developed States of West Malaysia. It was realised that the Civil Service and the social and public services were expanding rapidly in these two States and these grants were to ensure that the rate of this expansion is not hampered by shortage of funds to meet the recurrent expenditure. In the case of Sarawak, the Escalating Grant, as the name implies, is supposed to go up, that is to escalate, not to go down. A possible reduction by \$5,800,000 of these grants to the two States is, therefore, a matter of grave concern to the people of these States.

Another matter that is of very grave concern to the two East Malaysian States is that under the Inter-Governmental Agreement the assignment of a proportion of the export duty on minerals from these two States are also subject to review this year. Again, Sir, token votes of \$10 each appear in Head T. 12, Sub-heads 1 (ix) (a) and (b) for these items. This is also under discussion, but the Honourable Finance Minister has not mentioned what the amount will be.

Quite apart from the uncertainties concerning the amounts of future Federal grants to the States in East Malaysia, the Honourable Finance Minister proposes to harmonise the rates of duty on 211 items. Although the Honourable Minister assured Honourable Members from Sarawak and Sabah that of these 211 items, 122 are goods which have been negligible imports, we know from past experience that "harmonisation" can be quite a painful process, quite a painful operation, for the people of East Malaysia, for the duty invariably goes up and not down every time this word is used (*Laughter*). We are afraid that the harmonisation of the duty on such a large number of items will again turn out to be quite painful.

Turning now to the future outlook for Malaysia, a most important development which will affect our economy is the decision of Britain to withdraw its military establishment

East of Suez. Quite apart from whatever the effect may be on the economy of some areas, the need for providing our own defence will strain our resources considerably. I would urge the Government to seriously consider following the example of some of the smaller States, such as Switzerland, which depend for their defence on a territorial army of citizens trained for the defence of the country and not entirely on the standing army. We cannot afford, Sir, to keep a large military establishment which has not only to be paid for but which will divert human and other resources required for economic development. Our future security and stability as a nation lies in economic development which will raise the standard of living of our people.

Sir, in order to make the best use of human resources for economic development and also to ensure the stability of our society, I would also urge the Government to seriously, and as a matter of urgency, re-orientate our system of education. We are now turning out each year a large number of young people out of our schools who are only fit for white collar jobs. Again, Sir, out of every 1,000 children who enter our primary schools, 700 have to leave school at the age of 12 to 13—much too young to work. Even in an agricultural community, these young people, these young children, will grow up to be frustrated young people unwilling and unfitted to go back to the land. If this problem is not tackled in time, it will prove a serious threat to our security in the future.

Finally, the Honourable Finance Minister touched on the basic need in our economic development, when in the concluding part of his speech, he referred to the urgent need for a more liberal land policy on the part of the State Governments. In Sarawak, for instance, we have a large section of the community who feel frustrated, because they cannot get the land they need for agricultural enterprise or industrial development. Some of our capitalists are now turning elsewhere

to invest the money they had accumulated, because of lack of opportunities or encouragement or direction within our own country. This is indeed a deplorable state of affairs and I sincerely hope that the Honourable Finance Minister's words on the urgent need for making land available for economic development would not fall on deaf ears but will receive the urgent attention of all State Governments in Malaysia.

To conclude, Sir, and to sum up my brief observations on the 1969 Budget, although the people of West Malaysia may be much relieved that the Honourable Finance Minister has let them off lightly, the people of East Malaysia will not be quite so happy because they do not know how generous the Federal Government will be on State Grants still under negotiation on the one hand, and on the other hand how hard they will be squeezed in contributions of State Revenue to the Federal Treasury. The people of East Malaysia will note further harmonisation of Customs duties on a large number of items of imports which will be introduced and this may prove quite painful. The people of Malaysia as a whole know that there are grave problems in the immediate future facing the nation, such as defence, internal security, education and finance. We know that our hope lies in rapid economic development in order to be able to cope with these problems. The billion-dollar question, Sir, is, can the Government do it?

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² Perbekalan bagi tahun 1969 seperti yang telah di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Kerajaan Perikatan.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya perbelanjaan² yang akan di-keluarkan bagi tahun 1969 ini tidak-lah banyak beza-nya daripada tahun lepas, tetapi sunggoh pun begitu kemajuan² yang akan di-buat atau di-jalankan oleh Kerajaan nanti, seperti yang telah di-chadangkan, ada-lah lebih banyak atau bertambah dan memberi faedah kepada ra'ayat dan negara semua-nya. Perbe-

lajaan yang sederhana dan memberi faedah yang lebih ini ada-lah menjadi polisi Kerajaan Perikatan. Perchakapan yang banyak, kerja yang kurang dan tidak ada kemajuan, itu ada-lah menjadi tentangan kepada Kerajaan Perikatan.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Kerajaan Perikatan memerintah lebih 10 tahun yang lepas banyak telah dapat di-lihat oleh ra'ayat jelata kita yang dahulu tidak termimpi oleh kita semua sekarang serba serbi telah ada dan akan meningkat bertambah dari samasa ka-samasa untuk faedah ra'ayat tidak kira ra'ayat asal dari mana fahaman-nya, apa semua-nya dapat nikmat sama rata—ini ada-lah tuah Kerajaan Perikatan. Parti² Pembangunan atau parti² lawan Perikatan menudoh bahawa Kerajaan Perikatan mem-bazirkan wang atas perbelanjaan yang di-keluarkan. Di-sini saya fikir mereka ini seperti ada mata tak pandai melihat, ada telinga tak pandai mendengar, ada mulut tak pandai berchakap dan ada otak tak pandai menggunakan. Kalau sa-kira-nya kemajuan² yang boleh di-lihat dan tidak boleh nampak, maka ini ada-lah sudah menjadi tabiat mereka. Kita tidak boleh menyalahkan mereka dan ini sudah menjadi darah daging parti² lawan. Apa yang Kerajaan Perikatan membuat, merancang semua-nya tidak betul, mereka mel-aong²kan menentang dengan men-chabar Kerajaan. Tetapi parti Perikatan dengan tabah, tenang menghadapi dan sabar.

Kita tidak hairan bagaimana, suka saya membawa cherita, ia-itu Pak Awang Sengau mengajar anak²-nya mengaji hal² akhirat, dan mengajar anak² buah-nya supaya sa-rupa dengan nada dan suara Pak Awang Sengau itu. Di-kurong-nya anak² buah-nya itu di-dalam sa-buah tempat di-mana tidak boleh melihat berchampur gaul dengan jiran² atau manusia² lain. Kalau melihat atau berchampur gaul dengan orang lain akan menjadi kafir-meng kafir. Kita, Perikatan tidak-lah hendak menjadi guru² atau pemimpin² seperti tok guru Pak Awang Sengau. Anak² buah Pak Awang Sengau ada yang tahu bahawa pernah tok guru Pak Awang Sengau meminjam sa-chupak beras untuk kehidupan mereka tetapi Pak

Awang Sengau itu maseh berkeras menafikan segala perbuatan dan tak mahu kalah. Tetapi bagi Perikatan perkara tolong-menolong untuk kebaikan semua ada-lah sudah menjadi kebiasaan, kelaziman Kerajaan Perikatan tidak mengharapkan budi itu dibalas oleh Pak Awang Sengau—Tuhan sahaja-lah yang mengetahui-nya.

Tuan Yang di-Pertua, baharu² ini kita dapati pula di-dalam negara kita ini ada satu regime baharu ia-itu regime ala-Cuba, berjanggut, berjangbang dan bermisai. Ada juga pengikut regime baharu ini yang tidak suka berbuat demikian, berjanggut dan bermisai, kebanyakan orang² kepala batu dan pengikut yang suka dudok di-anjong. Tujuan mereka ini hanya untuk menchachi, membelahkan fikiran ra'ayat yang setia, perpaduan ra'ayat, udara kema'amoran yang di-tiup oleh Perikatan. Orang yang saperti ini biasanya orang² yang sedang mengeram, dia tidak sedar bahawa hidup mewah yang di-dapati-nya di-bawah oxygen Perikatan ada-lah lebih senang, bebas daripada tempat² yang lain. Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar orang² yang sedang mengeram ini biasa-nya menchari kebebasan hidup, apa yang di-dapati semua-nya tak puas. Mana² rumah di-masok-nya tak puas bagi mereka, jadi terpaksa mereka ini melompat dari satu rumah ka-satu rumah. Jadi kita biarkan orang² ini, biarkanlah mereka ini pindah dari satu rumah ka-satu rumah atau membuat rumah baru untuk mereka kerana hendak melepaskan geram-nya. Dalam pemerentahan Kerajaan Perikatan kita dapati semua-nya bebas berfikir, bebas serba serbi sa-hingga inspirasi baharu² ini telah di-bawa oleh Enche' Dollah anak Patong. Che' Dollah ini di-gelar Dollah anak Patong ada-lah oleh kerana ia suka bermain dengan satu permainan yang di-beri nama Permainan Anak Patong. Permainan atau taktik-nya ini-lah yang di-tunjokkan oleh Enche' Dollah ini. Biasa-nya dia-lah yang memainkan peranan yang penting berkenaan dengan hal perchakapan patong² ini ia-itu melalui script yang telah di-siapkan. Sekarang Che' Dollah sendiri telah di-mainkan oleh anak patong sa-hingga tidak dapat meng-

awal-nya. Kita tahu sekarang Enche' Dollah yang berhijrah daripada Bungsar ka-Rumah yang mulia sekarang tidak ada datang lagi ka-sini kerana patong-nya yang tak dapat di-kawal lagi dan ka-rumah asal-nya pun tak dapat balek. Ini-lah akibat Enche' Dollah Anak Patong yang suka bermain dengan Permainan Anak Patong. Biasa-nya orang² yang suka bermain dengan permainan anak patong ini, patong-nya itu akan memakan tuan. Sudah berapa banyak pekerja² yang suka menunton permainan anak patong dahulu yang menyokong permainan anak patong sa-hingga laiai pekerjaan-nya, telah di-lanyak oleh patong² itu sendiri dan sa-orang daripada organiser permainan anak patong telah di-hantar ka-mari untuk menyebarkan da'ayah permainan anak patong. Saya harap Kerajaan dapat menyekat permainan sabersif Che' Dollah dengan menggunakan taktik permainan anak patong supaya perpaduan harmoni ra'ayat negara berada sa-panjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, parti² lawan Perikatan pada akhir² ini memainkan permainan kotor. Tujuan mereka akan menumbangkan Parti Perikatan. Niat-nya hendak menjatuhkan Perikatan—ini ada-lah tujuan mereka. Bukan tujuan untuk memerintah, menaikkan lagi taraf hidup ra'ayat tetapi memecah belah-kan fikiran ra'ayat. Kalau sekira-nya mereka berfikir waras mereka tidak berbuat demikian, mereka tidak menchari ikhtiar untuk meninggikan taraf hidup ra'ayat, kebaikan negara, mereka tidak menunjukkan apa yang salah supaya boleh di-buat betul tetapi bagi mereka sentiasa menghentam dan menchachi dengan keromo sahaja. Dalam negara kita ini ada satu pasokan yang di-beri nama Pasokan Porak Peranda. Pasokan ini biasa-nya mengeluarkan kata² yang mendapat publisiti yang mengelirukan. Pasokan ini terdiri daripada orang yang suka menanggok di-ayer keroh.

Tuan Yang di-Pertua, chara Pasokan Porak Peranda ini memainkan jarum-nya di-dalam lapangan perang mulut yang mengelirukan yang boleh di-salah ertikan oleh orang² yang mendengar

orang² semua tahu yang Jeneral memusuhi satu² kaum yang tertinggi dalam lapangan kehidupan yang hendak memajukan diri mereka supaya sa-tanding dengan bangsa² yang telah ka-hadapan. Ini perkara yang sangat² di-sakiti hati oleh dua orang Jeneral yang sama keturunan-nya yang ada dalam Pasokan Porak Peranda. Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, dalam rumah yang bertuah ini di-mana Jeneral ini telah dapat kesempatan dudok kalau di-negeri-nya jangan-lah harapkan dia akan dapat macham pemerentahan Kerajaan Perikatan di-beri dengan kebebasan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, orang yang baharu hendak chuba menandingi orang² yang telah maju itu yang di-sakiti hati oleh dua orang Jeneral ini—di-sini nampak belang-nya kekotoran di-dalam dada-nya. Di-dalam dada orang² Pasokan Porak Peranda ini, semua di-dalam kekotoran yang di-bawa oleh dua orang Jeneral. Saya fikir tidak perlu saya omong²kan panjang² tentang activity Pasokan Porak Peranda. Ra'ayat sendiri akan menentang. Kita tengok-lah apa akan terjadi pada meshuarat yang akan datang, perlembagaan sahaja-lah yang akan menghakimkan.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam perkara menaikkan taraf ekonomi luar bandar, saya suka menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada FAMA yang mana telah dapat memainkan peranan penting kepada penduduk² luar bandar. Dalam pada itu ada juga komplek mengatakan bahawa FAMA tidak menjalankan tugas-nya dengan betul. Saya fikir dalam perkara FAMA hendak menolong petani² meninggikan taraf hidup di-luar bandar hendak-lah di-sokong oleh semua pehak. Jangan ada desas desus mengatakan bahawa FAMA menjalankan pentadbiran berat sebelah. Kalau sa-kira-nya benar hendak-lah pehak yang nampak itu membetulkan, bukan menyalahkan, biar-lah FAMA menjalankan tugas meninggikan taraf hidup petani² dengan bebas, dengan senang dengan tidak di-ganggu oleh sa-siapa bahkan hendak-lah menolong FAMA menchari ikhtiar² yang baharu lagi meninggikan taraf hidup ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu kemasokan barang² di-negara² yang ingin atau berchita² hendak menjajah kita ini hendak-lah di-sekat, kerana barang² ini mengancham aktiviti petani² di-negara kita. Biasanya barang² yang di-datangi harga-nya lebeh murah, jauh lebeh murah daripada barang² tempatan, sunggoh pun ada kita mengenakan sekatan², tetapi harga-nya tidak boleh berubah. Jadi kalau-lah di-biarkan begitu, maka azam ra'ayat, hendak membuat atau memperoseskan barang² tempatan akan tergendala begitu, juga usaha FAMA nanti akan tergendala. Elok-lah kita menchari usaha menolong FAMA menchari ikhtiar yang lebeh lagi untuk ra'ayat, untuk negara dan untuk keturunan kita. Sunggoh pun FAMA baharu sahaja di-tubuhkan oleh Perikatan, tetapi telah banyak kita nampak, kita nekmati, jasa² FAMA ini. Biar-lah kelebihan untuk ra'ayat kita utamakan sepanjang masa. Kerajaan Perikatan akan sentiasa mengamalkan kelebihan untuk ra'ayat di-negara kita.

Berubah kapada hal yang lain, Tuan Yang di-Pertua, saya suka sentoh dalam hal perdagangan. Dalam fikiran saya yang chetek mengenai perdagangan kita di-luar negeri, kita kurang publicity yang boleh menarek pengguna. Saya harap banyakkkan lagi publicity dan pertunjukkan dengan tidak putus² supaya kita dapat menarek dan meminati barang² kita. Banyakkkan lagi Trade Commissioner kita di-luar negeri untuk memberi seranta dan pasaran. Jangan kita adakan Trade Commissioner di-mana kita tidak ada trade kita di-situ. Kita patut letakkan Trade Commissioner di-mana negara² yang ada banyak kita punya trade, bukan trade yang menda-tang ka-negara kita. Kalau kita letakkan pegawai trade kita di-tempat yang tak ada barang² kita di-situ, maka akan mabadzirkan wang dan tenaga. Tetapi dengan kebijaksanaan pimpinan Kerajaan Perikatan, semenjak Kerajaan Perikatan memerintah, telah banyak barang² yang boleh di-dagangkan keluar di-ikhtiar-kan dan ini menunjukkan bahawa kemajuan negara 10 tahun merdeka. Chuba parti² lawan lihat atau bandingkan, bagaimana zaman colonial

memerintah dahulu dengan Kerajaan sendiri memerintah sekarang, bagaimanakah kemajuan yang telah dapat dilihat.

Mengenai yang lain pula ia-itu hal² jenayah, pada hari ini kita lihat makin mengganas dari satu masa ka-satu masa, banyak kali saya dengar daripada perbualan² hari², hukum yang di-kenakan oleh pehak berkuasa sangat ringan dan juga sangat lambat di-adilkan. Kadang kala hukum yang di-jatuhkan kepada orang² kesalahan maksiat mithal-nya, lebeh berat daripada hukuman yang di-jatuhkan kepada kes² robbery, gangster, kegunaan fire arms and lain² kesalahan keganasan. Saya fikir rotan sahaja di-kenakan sekarang dan penjara tak memadai kepada orang² yang melakukan kesalahan mengganas. Ada elok-nya hukuman keganasan ini di-beratkan lagi. Kalau hanya sa-tahun dua tahun jel, mereka akan lebeh menyukakan kerana bila hukuman di-jatuhkan ka-atas satu² kesalahan, di-dalam jel, mereka chukup makan, chukup tidor dan semua-nya chukup belaka. Ada kala-nya orang² yang menganggor pun suka membuat kesalahan sedikit² supaya di-tangkap dan di-masokkan jel. Kalau di-luar orang² menganggor susah hendak dapat serba serbi chukup, tetapi dalam jel dia akan dapat semua chukup. Ada elok kalau sa-kira-nya orang² yang masok ka-jel di-beratkan tanggungan-nya sa-masa dalam jel itu dan di-kurangkan kera²ian 50%. Saya shorkan Kerajaan buat seperti kerja buat jalan, membuat taliayer dan memecahkan batu, memukulkan sabut dan lain² kerja yang di-fikirkan boleh mendatangkan keinsafan kepada orang² salah ini.

Satu lagi berkenaan orang² salah ini juga, Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kerajaan dapat mengadakan ward orang² salah di-hospital² supaya senang di-rawat. Banyak saya dengar orang² salah ini di-dapati lari apabila sedang di-rawat di-hospital. Kerana kita tahu, orang² salah ini berchampur dengan orang² sakit biasa dengan di-jaga oleh sa-orang atau dua orang polis. Kalau sedikit saja lalai, maka dia akan lari, tetapi kalau sa-kira-nya di-adakan satu tempat khas untuk

merawat orang² salah yang mendapat chedera di-hospital, maka di-sini kita dapat kurangkan tenaga menjaga-nya.

Di-dalam masaalah kerja, ini pun satu problem yang besar di-negara kita ini. Apa yang saya kesalkan, dalam akhir² ini sa-telah kita meluluskan undang² dalam Rumah ini ada juga pehak² Kerajaan, atau sa-tengah Kerajaan mengambil pekerja²-nya terdiri dari orang² yang bukan warganegara. Yang ada saya dengar kerja² seperti boroh kasar—I.M.G. Sa-patut-nya sa-telah kita meluluskan Undang² sekatan bekerja hendak-lah Ketua² Pejabat mengasoh dan hendak-lah Ketua² Pejabat menscreen pekerja² yang tidak berkera²ayatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa berhubung dengan masaalah ini yang akan datang ini yang akan bekerja di-tempat²-nya bagitu juga-lah pehak² majikan hendak-lah mereka juga turut sama memajukan negara kita. Kerajaan hendak-lah mengambil tindakan kepada Ketua Pejabat Kerajaan atau setengah Kerajaan, yang chuba menentang kehendak negara dalam perkara ini. Dalam perkara ini, saya fikir elok-lah di-adakan sa-buah Complaint Bureau di-Kementerian Buroh bagi memudahkan negara. Kira-nya ada di-dapati Ketua² Pejabat mengambil pekerja yang bukan warganegara, maka boleh-lah di-buat pengaduan atau complaint kepada Bureau ini, dan tindakan yang sewajar-nya di-ambil.

Juga Kementerian Dalam Negeri hendak-lah memainkan peranan penting-nya dalam hal mengeluarkan permit permanent resident atau identity card merah, terutama sa-kali kepada orang² yang hendak menchari kerja di-tempat kita. Kalau kita berjalan, tak usah-lah jauh di-Kuala Lumpur sudah menjukupi, Tuan Yang di-Pertua. Ada kita dapati shop assistant atau shop attendant, tak boleh berbahasa kebangsaan, tak boleh berbahasa Inggeris. Kalau kita tanya, nanti ada sahaja tukang jawab, Oh! dia baharu datang dari negeri, alangkah terperanjat-nya kita, pekerjaan sa-bagini berkehendakkan orang² daripada luar negeri. Banyak kita dapati

berlaku sa-bagini, di-kedai² pengguna dan tempat² lain, dan banyak lagi di-tempat² lain yang telah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dan apa yang saya nyatakan di-sini dalam Dewan yang mulia ini dapat-lah bersama² rakan² saya membahathkan, memandang hanya sa-bagai mewakili-nya di-dalam kawasan saya kaum² tani tertumpu kepada FAMA tadi dapat menarek perhatian dalam Dewan ini oleh kerana ada anasir² yang chuba hendak menunjukkan perasaan dan lain² hendak menjatohkan usaha² FAMA. Dengan sebab FAMA ini sudah di-masokkan dalam lapangan mithal-nya dalam lapangan pemasaran padi, maka ada sa-tengah² pihak mengambil kesempatan untuk hendak merosakkan ranchangan yang baik yang telah di-lakukan oleh pihak Kerajaan itu.

Sekian-lah terima kaseh.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 5.20 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 5.40 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Dato' Abdullah bin Abdulrahman (Kuala Trengganu Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang² Belanjawan yang ada di-hadapan kita ini. Saya sukachita benar Kerajaan terus-menerus membuat tekanan istimewa di-atas pembangunan ekonomi dan kemajuan pelajaran di-dalam negeri ini. Pembangunan ekonomi dan pelajaran yang sa-imbang di-antara seluruh ra'ayat di-bandar dan di-luar bandar ada-lah penting sa-kali untuk kebahagiaan dan keselamatan mereka. Dengan ada-nya usaha yang giat dan bijak oleh Kerajaan Perikatan dalam semua lapangan, baik ekonomi, pelajaran, politik dan lain² maka kita telah berjaya hingga hari ini memelihara keamanan negara, perpaduan ra'ayat dan harmoni kaum.

Tuan Yang di-Pertua, kalau negara mengidap penyakit huru-hara maka sudah tentu kekayaan dan kekuasaan tidak membawa keuntungan lagi kepada ra'ayat semua. Untuk menambah hasil negara ada-lah baik bagi Kerajaan dengan apa chara meluaskan lagi pelanchongan atau tourism di-dalam negeri ini. Tempat² yang indah atau Inggeris-nya Tourist Potentialities memang banyak di-negara kita ini khas-nya di-negeri Trengganu. Apa yang mustahak, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah kegiatan yang lebeh lagi oleh pihak Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ka-araf ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tanah ada-lah puncha hasil yang besar untuk kita, maka saya berharap segala kebijaksanaan dan daya usaha hendak-lah di-gembelngkan oleh Kementerian Tanah dan Galian dengan kerjasama dan sa-fahaman dari Kerajaan² Negerikerana tanah kuasa Negeri, Tuan Yang di-Pertua untuk menchiptakan polisi² baharu tentang pembahagian dan penggunaan tanah. Saya dapat tahu lebeh kurang $\frac{3}{4}$ bahagian tanah kita maseh belum di-gunakan dan maseh berhutan di-dalam negara kita ini.

Saya shorkan kepada Kerajaan supaya dapatkan lebeh banyak lagi pakar² hal tanah dari negeri² yang maju untuk menolong Kerajaan² Negeri meranchang tentang polisi² dan chara² menggunakan tanah yang dapat memberi lebeh banyak menufa'at kepada ra'ayat semua. Banyak negeri² di-dunia ini yang tidak maju di-sebabkan kekurangan-nya tanah yang subur, tetapi di-Malaysia alham dullillah ini tidak-lah menjadi masaalah kepada kita. Saya fikir ada elok-nya kalau Kerajaan Pusat dapat menganjorkan satu seminar mengenai masaalah tanah yang di-hadiri oleh wakil² dari Kerajaan² Negeri, wakil Kerajaan Pusat dan lain² pihak atau orang² persaorangan yang bukan Pegawai Kerajaan termasuk pakar² tanah. Dengan ada-nya seminar saperti ini, Tuan Yang di-Pertua, dapat-lah polisi² baharu mengenai tanah atau chara menggunakan tanah itu di-bahathkan, di-rumuskan dengan aman. Juga di-dalam seminar saperti ini dapat

di-kemukakan dan di-bahathkan rancangan² tanah yang baik untuk di-lancharkan di-negeri ini guna bukan sahaja untuk menambah hasil negara atau menyelesaikan masaalah tanah tetapi juga untuk mengatasi masaalah penganggoran. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu orang yang menganggor pada masa sekarang ini ada-lah lebih kurang 180,000 di-seluruh Malaysia juga di-dalam seminar seperti ini kertas² kerja dapat di-sediakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membuat shor ini saya sedar sekarang Kerajaan sudah pun ada National Land Council di-dalam mana wakil² Kerajaan Negeri ada bersama. Biarlah saya jelaskan di-sini, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu saya bukan tidak bersetuju kuasa mengenai tanah tinggal terus-menerus di-bawah Kerajaan Negeri, kerana chara ini sudah pun memuaskan hati, tetapi apa yang saya kemukakan hanya untuk mencapai matalamat pentadbiran tanah yang lebih baik untuk faedah keseluruhan ra'ayat kita. Untuk menambah hasil dan menyelesaikan masaalah penganggoran, saya berharap Kementerian Perdagangan dan Perusahaan akan berusaha lebih lagi mendapatkan pemodal² dalam negeri dan luar negeri menubuhkan kilang di-merata² negeri dalam Malaysia ini.

Kemudahan² mendapat dengan chepat lagi tanah², mendapat lesen, mendapat bekalan ayer dan letrik hendak-lah di-utamakan kepada mereka² ini, kerana dengan ini baharulah menjadi satu galakan yang hebat atau excellent incentive kepada pemodal² itu hendak mengadakan perindustrian di-negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang perusahan lagi. Jentera² kecil seperti trektor², basikal dan lain² patut-lah di-galakkan di-buat di-negara kita ini. Nampak-nya maseh banyak lagi jentera² kecil terpaksa di-bawa masuk dari luar negeri.

Mengenai pelajaran bumiputera nampak-nya maseh kekurangan di-jurusan pelajaran tinggi dan di-maktab² atau di-universiti², baik di-dalam negeri mahu pun di-luar negeri. Walau macham mana pun, Tuan

Yang di-Pertua, usaha Kerajaan yang baik itu di-dalam bidang pelajaran mesti di-perhargakan. Saya suka minta Kerajaan di-dalam masa² yang tidak berapa lama lagi menganjorkan satu konggres yang di-panggil Konggres Pelajaran Bumiputera yang rupa bentuk-nya sama lebih kurang seperti Konggres Ekonomi Bumiputera. Dengan ada-nya, Tuan Yang di-Pertua, usaha yang lebih seperti itu adalah di-harapkan dapat-lah kita imbangkan, atau di-dalam Inggeris-nya "to balance" kedudukan seluruh ra'ayat di-dalam soal pelajaran tinggi. Dan dengan itu dapat menchipta persefahaman dan kerjasama yang lebih erat antara kaum semua, sesuai bagi matalamat menubuhkan satu bangsa Malaysian yang bersatu pada.

Chabaran² akan datang akan lebih di-bidang politik, ekonomi dan pelajaran dan saya berpendapat tidak ada parti politik lain yang lebih layak dan sanggup sa-lain daripada Perikatan untuk menyambut dan menghadapi chabaran² itu dengan bijak dan sempurna bagi kepentingan ra'ayat dan negara. Saya harap Kerajaan akan memberi lebih banyak lagi pertolongan kepada nelayan², kerana kehidupan mereka tersangat-lah susah sekarang. Kalau kita ada beri bantuan baja, benih dan sa-bagai-nya kepada sa-tengah² petani, saya rasa Kerajaan juga dapat memberi bantuan kebendaan, atau kewangan kepada nelayan² kita pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam hubungan ini kerja² yang di-jalankan oleh FAMA terhadap nelayan² juga boleh di-beri kepujian.

Tuan Yang di-Pertua, bagi merengankan sedikit beban perbelanjaan besar di-atas mengadakan Pasokan Ashkar biasa, saya fikir elok juga kalau Kerajaan dapat memberi latihan tentera kepada penuntut² universiti dan maktab² di-dalam negara kita ini dan mereka² ini boleh-lah di-panggil untuk berkhidmat kepada negara sa-masa dharurat, atau pun peperangan apakala mereka tamat pelajaran nanti. Bagi menambah hasil negara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat ada baik-nya kalau dapat Kerajaan mengadakan lebih banyak lagi joint venture

dalam lapangan perniagaan dan perusahaan, ia-itu Kerajaan menyertai bersama menyumbangkan modal didalam kompeni² private yang tertentu dan kemudian Kerajaan bersama mengambil untong-nya kelak.

Oleh kerana di-dapati banyak pengundi² tidak keluar mengundi sa-masa pilihan raya, saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, patut sa-lepas Pilihanraya Kebangsaan tahun 1969 nanti, kalau Kerajaan boleh buat kajian untuk mengadakan satu undang² memaksa pengundi² keluar mengundi dalam mana² pilihanraya akan datang nanti.

Usaha MARA hendak menolong mereka² yang kurang bernasib baik di-segala bidang hidup patut mendapat sokongan dari semua pehak. Tuan Yang di-Pertua, hendak-nya biarlah ahli² perniagaan yang bukan bumiputera yang berpengalaman dan mahir sentiasa mahu tunjok ajar dan tolong membimbing sama rakan² mereka yang terdiri daripada bumiputera dan dengan jalan ini bersama-lah seluroh ra'ayat dapat menikmati kekayaan dan kesenangan yang terdapat di-negara Malaysia kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya dengan kesetiaan, kecekapan yang telah di-tunjokkan oleh pemimpin² kita dan dengan rancangan kemajuan yang telah di-laksanakan bagi faedah ra'ayat dan negara, ra'ayat keseluruhannya sudah merasa puas hati dengan pemerintahan Perikatan sa-lama ini.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'aid (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, sambil menyokong Rang Undang² belanjawan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya mengambil peluang menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan Anggaran Belanjawan yang saya anggap boleh memuaskan hati keseluruhan ra'ayat jelata dalam Malaysia ini.

Pihak Pembangkang memang-lah sa-bagai Pembangkang, sebab kalau baik pun kerja mereka ia-lah untuk

membangkang. Jadi kalau kita kajikan perkara mengkeritik memang-lah mudah hendak mengkeritik, tetapi pada hal pada orang yang hendak menjalankan tugas dan hendak merancang dan membuat satu² perkara ada-lah satu perkara yang chukup susah. Jadi pada pendapat saya apa juga Pembangkang kemukakan itu dan pengkeritik² daripada mereka itu tidak akan menjadi satu kesan oleh kerana Kerajaan mempunyai rekod yang teristimewa. Sa-panjang masa ada-lah Kerajaan mentadbirkan negara ini dengan bijaksana-nya di-bawah pemimpin² yang bijak dan saya perchaya pehak ra'ayat tidak akan terpesong keperchayaan mereka terhadap Kerajaan yang ada sekarang ini.

Satu perkara yang saya ingin menarek perhatian Yang Berhormat Menteri Kewangan ia-lah berkenaan dengan pertukaran wang lama dengan wang baharu. Baharu² ini saya menguchapkan terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah mengishtiharkan ia-itu bukan sahaja Bank Negara Malaysia akan menerima wang² yang lama bahkan bank² yang lain pun mesti terima wang² itu. Apa yang saya khatirkan, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini patut-lah di-ambil perhatian yang berat oleh pehak Kementerian dan Kerajaan, jangan jadi perkara sa-bagaimana akhir tahun 1967, bulan November ia-itu kejatohan nilai mata wang. Pihak subversive mengambil peluang menggunakan perkara itu untuk hendak melaga²kan warganegara Malaysia. Ini yang telah menjadi pergadohan yang besar di-Pulau Pinang. Saya berharap Kerajaan mesti-lah berwaspada dan memerhatikan perkara ini dan jangan pehak subersive menggunakan peluang ini melancharkan satu propoganda yang boleh merugikan atau merosakkan keamanan negara ini. Saya berharap sa-kira-nya wang yang lama maseh belum lagi di-tukarkan itu, banyak lagi di-tangan ra'ayat jelata, patut-lah di-timbang kemungkinan melanjutkan masa sedikit lagi dan saya berharap bukan sahaja pehak bank mesti menerima wang penukaran ini bahkan Pejabat² Pos dan Kereta² Bergerak

Pos pun boleh menolong mengutip wang² yang lama ini daripada tangan orang² kampung, daripada pemodal² yang kechil², daripada ahli² perniagaan yang kechil² kerana dari pengalaman saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, wang² ini ada-lah di-tangan orang yang di-kampung² dan peniaga² yang kechil². Saperti bertukar wang itu di-antara mereka, tiada siapa pun yang sanggup hendak mengumpul wang itu, hendak bawa ka-bank. Jadi patutlah pihak Kementerian menimbang-bahkan kemungkinan menghantarkan Van Pos bergerak ini siap dengan wang baharu di-tukar di-kampung² dimana Kereta Van Pos ini akan ada. Dengan ini kita dapat mempercepatkan lagi memungut wang yang lama itu dan dapat di-selesaikan dengan penggunaan wang yang baharu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang menjadi harapan kepada semua ra'ayat jelata ia-lah supaya pihak Kerajaan berikhtiar lagi dengan segala daya upaya-nya untuk hendak memperbaiki kedudukan taraf hidup ra'ayat yang ada dengan yang tidak berada, yang mana jurang ini inaseh lagi kita dapati jauh sungguh pun ada berbagai² ranchangan yang telah pun di-usahakan oleh Kerajaan, maseh lagi kita dapati kedudukan-nya tidak memuaskan sa-bagai sa-buah negara yang kaya, mempunyai hasil bumi-nya yang banyak, chuacha-nya baik, hawa-nya baik dan mengikut bagaimana yang di-taksirkan tiap² warganegara di-taksirkan mempunyai \$930.00 per capita. Jadi ini ada-lah pendapatan yang tinggi, nombor dua daripada Jepun. Apa yang di-fikirkan menjadi masalah ia-lah pembahagian kekayaan itu kepada ra'ayat jelata sa-umum-nya. Ini menjadi masalah Kerajaan dan juga masalah ra'ayat jelata. Jadi perkara ini saya berharap kepada pihak Kerajaan, kaji dengan halus-nya dan berikhtiar dengan jurusan² yang lain, supaya dapat kita mengsaimbang di-antara orang yang ada dengan yang tidak ada dengan sa-chepat mungkin kerana pada masa sekarang ini saya dapati sa-orang yang berada itu dia boleh mempunyai, menggunakan wang-nya, menambahkan pendapatannya, sa-banyak²-nya, yang orang yang kurang modal itu tidak berupaya

untuk hendak berusaha untuk mendapatkan lebih pendapatan-nya. Jadi kita dapati pada masa sekarang ini tidak ada satu sekatan bagi sa-siapa juga untuk hendak mendapatkan permit, untuk hendak mendapatkan lesen², untuk mendapatkan kemudahan², jadi saya berharap pihak Kerajaan supaya mengadakan satu sekatan kepada orang yang sudah ada satu² permit, sudah ada satu² lesen, atau satu² kemudahan, jangan di-tambahkan lagi permit dan lesen kepada mereka itu dan di-beri peluang kepada orang² yang belum lagi mempunyai permit, lesen dan kemudahan² dan dengan chara macham ini kita boleh memberi peluang kepada orang² yang belum lagi ada perkara² yang sa-macham ini.

Dan mengenai saham² yang telah pun di-jual ka-dalam pasaran stock broker di-sini dan perusahaan² yang baharu taraf perintis yang mana di-hadkan modal² yang di-jualkan kepada orang ramai, saya dapati saham² ini, orang yang mempunyai wang dapat membeli banyak dan memileki banyak saham. Jadi saya berharap-lah kepada pihak Kerajaan supaya menguntokkan saham² dengan sa-kechil sahaja dan tidak sa-orang pun boleh memileki sa-hingga 100,000 atau 200,000 supaya unit-nya tidak lebih 10,000 mithal-nya kepada satu² orang yang boleh dia memileki. Dengan sa-chara macham ini kita boleh dapat kumpulkan modal daripada orang yang ada modal sedikit² untuk hendak mengambil bahagian dalam perusahaan dalam negara kita ini. Saya perchaya banyak wang yang ada tersimpan yang mana orang² ini takut hendak menanamkan modal kerana peluang di-rebut oleh orang yang mempunyai wang lebih.

Lagi satu masalah, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah berkenaan dengan memileki tanah. Jadi ini saya perchaya-lah pihak Kerajaan sedang berusaha untuk mengadakan Ranchangan F.L.D.A., saya dengar laporan mempunyai 81 ranchangan². Ini baiklah bagi pihak Negeri² yang mempunyai tanah hutan rimba yang besar dan menerima-lah juga orang² yang

tidak mempunyai tanah daripada negeri Pulau Pinang mithal-nya, tetapi malang-nya Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai hutan dan rimba, tidak boleh buka. Orang yang asal menjadi petani itu tidak mahu berpindah ke-negeri lain. Masaalah tidak mempunyai tanah sendiri, luas-nya ekonomi. Ini-lah masaalah yang saya berharap kepada Kerajaan dapat mengadakan satu dasar supaya boleh membeli tanah² yang besar² ini dan di-beri kepada petani² kita bagi memileki ekonomi dan di-benarkan mereka itu bayar sa-chara beransor² sa-bagaimana Rancangan F.L.D.A. atau pun rancangan rumah murah. Dengan sa-chara macham ini dapatlah keluarga petani itu memileki hak kepunyaan-nya sendiri dan boleh berusaha lebih giat lagi di-atas tanah² mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara masaalah penganggoran sudah di-sebutkan dan ini menjadi sa-bagai satu masaalah yang besar kepada negara kita, negara yang sedang membangun ini dan negara² yang lain yang telah maju lebih daripada kita pun mempunyai beberapa masaalah yang sa-macham ini. Saya berharap supaya Kerajaan memikirkan kemungkinan khas-nya bagi jawatan² dalam Perkhidmatan Awam supaya di-beri peluang atau keutamaan kepada lelaki bekerja atau berkhidmat Keutamaan, ada jawatan² sa-bagaimana Jururawat itu tidak upaya-lah, kalau jawatan kerani dan lain² di-beri keutamaan kepada lelaki, kerana sa-orang lelaki itu bertanggung-jawab untuk memberi sara hidup kepada isteri dan anak²-nya dan sangat-lah menasabah jikalau Kerajaan memberi keutamaan kepada lelaki yang mana boleh lelaki itu buat kerja. Kalau yang tidak boleh itu, beri-lah kepada kaum² wanita kita. Dan masaalah monopoly kerja² oleh keluarga, ini pun satu masaalah juga. Saya dapati, kalau sa-orang itu jadi Kerani Besar mithal-nya, atau orang yang ada pengarah, di-masokkan isteri-nya anak²-nya menantu-nya segala chuchu²-nya bekerja dalam satu² jawatan dan satu² jabatan. Jadi orang lain ada kebolehan yang sama tak dapat peluang bekerja. Jadi ini satu perkara yang saya harap

pehak Kerajaan mengambil perhatian supaya membuat satu sekatan kepada keluarga yang monopolikan kerja² dalam mana² jawatan yang di-fikirkan boleh memberi peluang kepada orang lain.

Saya tertarik hati berkenaan dengan apa yang di-putuskan pada tahun yang lalu, pada tahun ini, mengenai permit kerja. Tetapi pada masa sekarang, hingga hari ini tidak di-laksanakan lagi, saya berharap-lah pehak Kementerian yang berkenaan supaya melaksanakan Rang Undang² yang telah pun di-luluskan itu dengan sa-chepat mungkin supaya dapat orang² ini di-beri permit bekerja dalam masa yang tertentu supaya dapat warganegara sendiri mengambil alih kerja² mereka ini dalam jangka yang tertentu.

Satu perkara yang menyebabkan penganggoran ini ia-lah kerana zaman kejenteraan atau pun "the Age of Automation". Jadi kalau kita berlumba² sangat hendak menggunakan jentera dan mesin dalam negara kita yang sedang membangun ini, kita dengan sendiri-nya membiarkan orang² yang boleh menggunakan tenaga mereka itu tidak mendapat kerja. Jadi saya berharap pehak Kerajaan akan mengkaji perkara ini dengan sa-halus-nya sa-belum kita gunakan jentera atau mesin. Masaalah orang yang tidak ada kerja sunggoh pun perkara ini berlaku dalam negara² lain tetapi mereka ada, mereka boleh mengatasi masaalah ini dengan mengurangkan masa bekerja. Pada masa sekarang kata 8 jam pada sa-hari tetapi mereka boleh mengurangkan 6 jam sa-hingga kepada 4 jam sa-hari supaya hendak beri peluang kepada orang lain bekerja menggantikan tenaga manusia ini untuk bekerja dengan kurang masa. Jadi kalau kita sangat² berkehendakkan kemajuan dengan hendak menggunakan jentera dan mesin dan mengabaikan tenaga manusia, maka akan menambahkan lagi penganggoran dalam negara kita. Jadi saya berharap-lah pehak Kerajaan akan memikirkan perkara ini.

Masaalah yang selalu-nya saya dengar, selalu²-nya di-bawa kepada saya dan di-adukan kepada saya yang

di-perchakapkan ia-lah mengenai nilai Bahasa Kebangsaan. Ini yang di-chakap²kan sungguh pun kita telah luluskan Rang Undang² mengenai Bahasa Kebangsaan menjadi bahasa rasmi yang tunggal pada tahun 1967 dan kita telah mengadakan dua badan mengkaji tangga gaji ia-itu Laporan Suffian dan Laperan Aziz yang belum lagi kita tahu bagaimana chara sharat² perkhidmatan. Saya berharap sungguh pun pehak Kerajaan telah pun sedikit demi sedikit mengutamakan ia-itu pengambilan pekerja² pehak Kerajaan mesti-lah ada kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia mithal-nya, tetapi belum lagi di-laksanakan dengan sa-penoh-nya. Saya harap pehak Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam akan mengkaji Conditions of Service atau sharat² bekerja supaya yang mana tertulis di-situ, mithal-nya, jawatan kerani, di-kehendaki Senior Cambridge di-gantikan dengan perkataan² Sijil Pelajaran Malaysia. Ini yang di-kehendakkan. Demikian juga perkhidmatan² yang lain. Kalau berkenaan dengan berkehendakkan bahasa Inggeris juga dan di-sharatkan di-situ supaya sa-orang bakal yang bekerja itu dapat kelulusan dalam Sijil Pelajaran Malaysia dan kelulusan dalam bahasa Inggeris dengan kepujian, dengan chara macham ini tidak dapat kita mengambil pekerja² itu, memberi peluang kepada penuntut² yang keluar daripada sekolah² kebangsaan yang telah pun mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia yang tertinggi yang sekarang ini menganggor di-kampong² tidak ada kerja. Penuntut² ini tidak mengharap kepada yang lain sa-lain daripada Kerajaan, mereka tidak ada peluang langsung, bahkan kepada Kerajaan sahaja. Jadi saya berharap Kerajaan akan mengambil perhatian yang berat supaya menukarkan conditions dalam Schemes of Service itu dan mengisikan sharat²-nya dengan sharat orang² yang berkelulusan dalam Bahasa Kebangsaan.

Satu perkara yang saya fikir boleh meluaskan lagi usaha Kerajaan ia-lah penubuhan sa-buah Pusat Penyelidikan negara ia-itu National Research Centre dan boleh-lah kita ambil pakar² atau ahli² sains yang bijak yang ada penga-

lanan dan hantar mereka ini kepada pusat² latehan supaya mereka siasat dan kaji apa-kah barang² bahan daripada negara kita yang boleh kita tukarkan supaya di-jadikan bahan² untok kegunaan kita dan untok kita export keluar negeri. Mithal-nya, saya sebut pada masa dahulu tidak terlintas di-hati kita bahawa batang² pohon getah boleh di-jadikan arang kayu. Pada masa Malayawata di-tubuhkan dengan kepandaian orang Jepun batang² getah itu di-jadikan sa-bagai arang kayu. Kita ada mempunyai bahan yang sa-macham ini dan Pusat Penyelidikan ini boleh kajikan bahan² ini di-tukar kepada bahan² penggunaan. Dan sa-bagaimana serbok gergaji papan boleh kita gunakan menjadi sa-bagai "soft board" dan juga lain². Jadi saya berharap-lah sa-buah Pusat Penyelidikan ini di-adakan dalam negara kita ini, kita jemput, kita ambil ahli² sains daripada pertanian, daripada kimia, daripada fizik, sains dan lain² supaya pusat mereka itu pada tiap² hari mereka boleh memikirkan perkara² dan buat kajian supaya dapat kita, dapat bahan yang baru, mithal-nya penggunaan getah sungguh pun kita ada penyelidekan berkenaan dengan getah sa-mata² baik kita pusatkan kepada satu tempat.

Pada masa Jepun, getah boleh di-gunakan untok kita jalankan jentera motokar. Saya fikir kalau kita selidek dengan halus, getah boleh di-jadikan minyak dan minyak boleh kita gunakan untok menjalankan kenderaan² kita. Jadi saya berharap-lah pehak Kerajaan memikirkan masaalah ini supaya kita dapat bahan² yang baru. Pada masa sekarang kita ada National Planning Unit (NPU) dibawah Yang Teramat Mulia Perdana Menteri. Apa yang saya fikir boleh mendatangkan lebeh luas lagi aktiviti-nya patut di-adakan satu di-Kementerian yang di-namakan Kementerian Peranchang dan Pembangunan Ekonomi. Kementerian ini menjalankan usaha untok mendapatkan segala pendapat² antara Kementerian Pertanian, kepada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, daripada Kementerian² lain supaya dapat mengumpulkan segala bahan² atau pun segala perangkaan² untok hendak

menegakkan ekonomi kita, ekonomi negara kita, supaya dapat menjalankan urusan-nya lebeh luas lagi dan lebeh memberi faedah kepada sakalian negara kita ini.

Jadi ini satu perkara yang saya berharap sangat² supaya pehak yang berkenaan mengadakan ranchangan yang sa-macham ini dan boleh-lah mendapat kemajuan dari sa-masa ka-samasa. Sa-kira-nya boleh, kita berikan hadiah kepada sa-orang ahli sains atau sa-orang pujangga yang boleh mengarangkan buku² yang boleh mendatangkan faedah atau pun sa-orang yang pereka (inventor) yang boleh inventkan apa² satu benda yang luar biasa tiap² tahun boleh Kerajaan menguntokkan satu peruntokan wang supaya di-beri hadiah yang istimewa, kata-lah nombor satu boleh dapat \$100,000 untok menggalakkan orang² kita yang ada kebolehan berusaha dengan tenaga mereka itu sendiri untok mendapat hadiah dan manakala benda itu—rekaan itu—sudah dapat di-gunakan, maka dapat-lah mereka jualkan rekaan mereka itu sa-bagai copyright boleh mereka hidup sa-lama²-nya di-atas rekaan yang mereka adakan itu. Ini satu penggalakan kepada bakal² sa-orang yang ada kebolehan dalam negara kita yang boleh menolong negara kita berusaha kepada jalan² yang baik.

Satu perkara yang kita telah pun jalankan sa-bagai permulaan ia-itu membena beanaan² atau projek² yang besar dengan chara mengutip tol jalan daripada Tanjong Malim sahingga ka-Slim River sudah pun berjalan dengan menggunakan wang dan di-kutip tol. Jadi untok hendak mengurangkan tanggungan Kerajaan membelanjakan wang daripada negara kita sendiri saya berharap dengan satinggi² harapan supaya Kerajaan menjalankan satu dasar bagi membuat satu ranchangan mithal-nya jalan raya dari Butterworth ka-Pantai Timor kata-lah akan memakan belanja sa-banyak \$150 juta atau pun \$50 juta maka boleh-lah Kerajaan tawarkan kepada konterekter² antara bangsa dan mereka akan membena jalan raya itu dan beri kuasa kepada mereka itu untok memungut tol atau pun tax dan

di-beri keuntungan yang berpatutan manakala mereka sudah dapat untong modal dengan keuntungan-nya dan di-serahkan balek kepada Kerajaan. Bagitu juga saya berharap berkenaan dengan satu renchangan, ia-itu jambatan daripada Butterworth ka-Pulau Pinang. Ini pun boleh kita adakan dengan sa-chara pembenaan dan bukan dengan duit kita sendiri bahkan duit daripada konterekter² antara bangsa yang sedia hendak menanamkan modal dalam negara kita yang mereka sendiri tahu yang penanaman modal itu akan mendatangkan untong, jaminan yang mereka boleh dapat untong dengan mudah kita mengadakan beberapa ranchangan yang besar² dengan tidak payah kita mengeluarkan wang yang banyak chuma kita boleh mengeluarkan wang untok permulaan bagi menyiasat membuat plan, membawa pakar² dan menyiapkan segala ranchangan itu dengan pelan, dengan anggaran-nya dapat di-tawarkan kepada konterekter antara bangsa supaya mereka boleh buat benda² itu untok kepentingan dan keperluan kita sendiri.

Saya bersama² dengan sahabat saya memuji peranan FAMA yang telah pun pada masa ini mengambil bahagian yang besar untok mengawal harga padi mithal-nya atau pun pasaran padi dan baharu² ini saya telah pun dapat tahu bahawa pehak orang² yang tidak bertanggung-jawab menentang FAMA untok melaksanakan kawalan pasaran ikan. Jadi saya berharap pehak FAMA akan meneruskan ranchangan usaha nasib nelayan terbela bukan sa-bagaimana masa ini pasaran ikan tidak ada kawalan dan dengan chara macham ini boleh mendatangkan akibat yang tidak baik kepada penangkap² ikan kita yang mendapat harga yang sangat kurang. Saya berharap pehak FAMA akan meneruskan ranchangan pengawalan pasaran ikan ini dan sa-lain daripada itu pehak petani² di-negeri Pulau Pinang sunggoh pun undang² sewa tanah—pemegang tanah sudah pun di-luluskan. Pehak Kerajaan Pusat dan Negeri sudah pun meluluskan tetapi baharu² ini manakala saya tanya mengapa tidak di-laksanakan lagi mereka Kerajaan Negeri jawab sebab pehak Kerajaan

Pusat tidak mengadakan pegawai² untuk hendak mengawal pelaksanaan ranchangan undang² sewa pemegang tanah ini. Jadi saya berharap dengan sa-tinggi² harapan kepada pehak Kementerian Pertanian supaya mengadakan pegawai² itu untuk melaksanakan Rang Undang² yang telah kita luluskan supaya pehak penyewa tanah dan juga tuan tanah dapat di-kawal dan tak payah-lah sa-bagaimana yang ada sekarang ini pehak tuan tanah menganiayakan orang yang menyewa tanah, merampas balek tanah dengan sawinang²-nya dan ini akan mengakibatkan perkara yang tidak baik.

Lagi satu perkara yang selalu petani² merungut mengenai harga padi. Harga padi ini yang di-tetapkan oleh Kerajaan sa-banyak \$16 sa-pikul daripada tahun 1961 ta' di-naik²kan, pada hal barang² lain sudah naik. Jadi saya berharap dengan rayuan daripada pehak Persatuan² Peladang Negeri Pulau Pinang meminta supaya Kerajaan menimbangkan, menaikkan harga padi daripada \$16 sa-pikul. Ini akan mendapat lebih usaha daripada petani², lebih incentive untuk hendak berusaha di-atas menanam padi ini. Saya tahu bagi Kerajaan Taiwan, Jepun mithal-nya, mereka bukan sahaja membuat ranchangan² dan kemudahan² bahkan mereka bagi wang tambahan atau subsidy untuk membeli harga padi yang lebih dan menjual beras yang murah kepada ra'ayat jelata, kerana hendak menolong pehak petani² supaya menikmati kekayaan negara ini sama dengan pekerja² yang lain. Jadi tidak ada jalan lain yang saya nampak sungguh pun pada masa sekarang ini mereka sudah mendapat pendapatan yang lebih, tetapi harga padi belum lagi di-naikkan. Saya harap pehak Kerajaan akan menimbangkan kemungkinan menaikkan harga ini dengan sa-patut-nya supaya dapat-lah orang² kita menikmati kekayaan negara ini.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah mengenai bahaya dalam negeri. Perkara ini sungguh pun Kerajaan telah pun mengambil langkah untuk menjaga, mengawal negara kita, saya perchaya ada lagi pehak² sub-

versive berkeliaran yang sedia hendak menunggu sahaja peluang, sedia hendak menunggu sahaja masa untuk mereka menjalankan satu² ranchangan, hendak merosakkan keharmonian negara kita ini. Jadi saya berharap pehak Kerajaan jangan-lah abai²kan perkara ini, mesti-lah sentiasa berwaspada supaya kita dapat mengawal orang² yang tidak bertanggung-jawab ini daripada mereka itu meluaskan segala hasutan² mereka untuk merosakkan keamanan, dan menjatuhkan negara kita ini. Jadi di-sini saya berharap pehak Kerajaan akan menimbangkan kemungkinan mengadakan pasokan² kawalan yang tetap supaya dapat ahli² pasokan kawalan ini menjaga satu² kawasan yang tertentu supaya keamanan sentiasa berada dan pehak pasokan ini akan berhubung dengan pehak polis atau pehak pengawal keselamatan negara supaya dapat mengatasi sebarang kesulitan dan kerumitan. Jadi saya fikir tidak susah kita hendak mengadakan pasokan² kawalan ini kerana banyak di-antara bekas² pasokan keselamatan kita, bekas² pasokan² tentera kita, bekas² pasokan polis kita yang ada di-kampong² yang mereka ini sudah mendapat latehan dan sudah pun mahir dalam perkara² pengawalan ini, boleh-lah kita pilih di-antara orang² ini dan di-beri tugas kepada mereka dengan memberi elaun sahaja bukan gaji tetap jikalau kita beri elaun sa-banyak \$30 sa-bulan atau pun sa-hingga sa-besar²-nya \$50 sa-bulan dengan penchen yang mereka itu dapat dan kerja bersendirian mereka itu saya perchaya pengawalan yang samacham itu dapat menjalankan usaha mereka dengan lebih berkesan lagi, mudahan² dengan chara yang samacham ini segala pengganas² dan subversive itu dapat di-redakan, dapat di-hapuskan sama sa-kali daripada activities mereka itu. Dan kalau boleh kita adakan undang² sa-bagaimana yang kita ada Tenant Registration supaya boleh sa-saorang pengawal itu melawat tiap² rumah dan menyiasat sama ada orang jahat datang ka-rumah itu atau tidak. Jadi sa-chara macham ini dapat kita memperbaiki lebih lagi usaha kita untuk mengadakan keamanan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pemuda² kita di-kampung² dan juga dalam bandar yang tidak ada mempunyai kerja. Ini ada-lah menjadi masalah yang besar yang mana satu beban kepada Kerajaan. Jikalau mereka ini di-biarkan tidak di-beri peluang untuk bekerja, atau pun berusaha dengan usaha diri mereka itu sendiri, saya perchaya akan menjadi satu masalah yang besar lagi pada masa hadapan, kerana pehak Pendaftaran Buroh mendaftarkan orang² yang tidak ada mempunyai kerja tetapi oleh kerana banyak-nya orang yang mendaftar kerja yang kosong itu sangat sedikit, maka pengambilan penganggor² ini sangat-lah sedikit jika di-bandingkan dengan orang² yang mendaftar. Jadi, saya berharap supaya pehak Kerajaan khas-nya Kementerian Buroh mengadakan Undang² memaksa majikan sama ada pehak perusahaan perintis atau lain² mengambil pekerja² melalui Pejabat Pendaftaran Buroh. Ini saya perchaya dapat menyelesaikan sedikit masalah penganggoran, kerana pada masa sekarang ini Jabatan² Kerajaan sahaja yang menggunakan Pejabat Pendaftaran Buroh untuk menchari kerja daripada Pejabat Buroh. Majikan² yang lain tidak endah pun kepada Pejabat Pendaftaran untuk menchari kerja buroh. Jadi, kita dapati selalu-lah

perkara ini berbangkit di-mana² juga. Jikalau boleh pehak Kementerian Buroh mengkaji masalah ini dan mengadakan Undang² supaya mereka yang hendak mengambil pekerja² mesti-lah melalui Pejabat Pendaftaran Menchari Kerja Buroh di-tiap² daerah. Boleh pehak majikan itu, dia ada kuasa temu-duga kata-lah 50 orang dan kalau dia berkehendak 20 orang pekerja, dia boleh terima 5 orang, kemudian panggil lagi 100 orang; itu hak dia. Ini tidak menjadi kerumitan kepada pehak majikan. Dia boleh memilih orang yang di-kehendaki sesuai. Jadi, saya perchaya kalau diadakan Undang² ini, dapat-lah peluang lebih luas lagi kepada pemuda² yang tidak bekerja dan di-adakan sukatan kepada orang yang sudah mempunyai pekerjaan dan jangan daftarkan mereka itu di-Pejabat² Buroh. Kalau mereka itu di-daftarkan juga, maka peluang² untuk hendak temu-duga itu sangat-lah nipis bagi orang yang belum lagi ada kerja. Ini-lah masalah yang sangat rumit yang saya berharap pehak Kementerian yang tertentu akan mengkaji dalam masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat ini di-tanggohkan sa-hingga pukul 10 pagi esok.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.35 petang.